Al-Fatihah

*Dalam Kenangan*

*Tok Guru Nik Aziz*

*(1931 - 2015)*



**Harimau Kumbang menang**

MS 4



PERCUMA

**buletin Mutiara**



*Cekap* *Akauntabel* *Telus*

www.buletinmutiara.com

**16 – 28 FEBRUARI 2015**

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# "Kita akan tetap menunggu beliau kembali keluar"

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **FB DSAI & DR. WAN AZIZAH**

**GEORGE TOWN** – Perjuangan, kepimpinan dan sumbangan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim (DSAI) yang merupakan anak jati negeri Pulau Pinang tidak akan dilupakan, malah perjuangannya akan diteruskan.

"Kita tidak akan melupakan jasa Datuk Seri Anwar, kita tetap bersama dengan beliau dan akan tetap menunggu beliau kembali keluar (dari penjara)," kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada sidang media di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, Anwar sebenarnya masih mempunyai kelayakan sebagai Ahli Parlimen (MP) Permatang Pauh dalam tempoh 14 hari mulai tarikh beliau dihukum (10 Februari 2015), jika merujuk pada Perlembagaan Persekutuan.

Atas kelayakan itu, katanya, Anwar wajar terus dilihat sebagai Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia, sekaligus mengetuai Pakatan Rakyat.

"Kerajaan Negeri ingin menyampaikan rasa simpati ke atas ahli keluarganya yang terpaksa menghadapi cabaran ini, khususnya isteri (Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail) serta cucu-cucunya.

"Beliau masih mempunyai kelayakan sebagai Ahli Parlimen dalam tempoh 14 hari mulai semalam (10 Februari 2015), kecuali beliau memohon ampun, maka kena tunggu sehingga prosiding pengampunan dibereskan.

"Saya sendiri biasa dengan proses ini kerana pernah dimangsakan di bawah Akta Hasutan pada tahun 1998, dan apabila saya membuat petisyen pengampunan, saya masih menjadi ahli parlimen hampir setahun (sebelum prosiding dibereskan oleh Yang di-Pertua Negeri Melaka).

"Maka, kelayakan Anwar sebagai Ketua Pembangkang mesti dihormati berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, dan ini keputusan kami di Pulau Pinang," jelas Guan Eng.



**DSAI (dua dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama isteri dan keluarganya pada 10 Februari lalu.**



**DR. Wan Azizah Wan Ismail mencium tangan DSAI setelah mahkamah menjatuhkan hukuman lima tahun penjara terhadap suami beliau.**

Semua Exco Kerajaan Negeri turut menyertai sidang media tersebut.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan memberitahu, penjelasan itu berdasarkan Perkara 48(4) Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 48(4)(a) Perlembagaan Persekutuan antara lain menyebut, "kehilangan kelayakan itu hendaklah berkuat kuasa apabila habis tempoh empat belas hari dari tarikh dia (i) disabitkan dan dihukum."

Manakala, Perkara 48(4)(b) Perlembagaan Persekutuan antara lain menyebut, "jika dalam tempoh empat belas hari yang dinyatakan dalam perenggan (a) suatu rayuan atau apa-apa prosiding mahkamah yang lain dibawa berkenaan dengan sabitan atau hukuman itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, maka kehilangan kelayakan itu hendaklah mula berkuat kuasa apabila habis tempoh empat belas hari dari tarikh rayuan itu atau prosiding mahkamah yang lain itu dibereskan oleh mahkamah."

Perkara 48(4)(c) Perlembagaan Persekutuan pula antara lain menyebut, "jika tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (a) atau tempoh selepas pemberesan rayuan atau prosiding mahkamah yang lain yang dinyatakan dalam perenggan (b) ada difailkan satu petisyen bagi pengampunan, maka kehilangan kelayakan itu hendaklah mula berkuat kuasa sebaik sahaja petisyen itu dibereskan."

Enam tahun perbicaraan kes Anwar difitnah meliwat bekas pembantu peribadinya sebelum disabitkan bersalah di Mahkamah Tinggi Persekutuan dekat Putrajaya baru-baru ini, mengingatkan khalayak pada konspirasi serupa dalam peristiwa pemecatan beliau sebagai timbalan perdana menteri pada tahun 1997 dulu.

## Dalam kenangan...

Lim Guan Eng @cmlimguaneng

Takziah kpd keluarga bekas MB K'tanTok Guru Nik Aziz dan PAS serta ahli dan penyokong 12.2.2015 twitter



**TUAN Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas beramah-mesra dengan Tok Guru sempena Majlis Pengiktirafan Al-Hafiz dan Ijtimak Al-Huffaz pada 29 Oktober 2011 di Dewan Sri Pinang. *(Gambar : Chan Lilian).***



**TANDA kesepakatan. Tok Guru, Ketua Menteri dan DSAI ketika menghadiri Kongres 60 Tahun PAS di Bertam, Seberang Perai Utara pada 2 Oktober 2011. *(Gambar : Chan Lilian).***

# Kepimpinan Negeri sambut keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong

Gambar : **SHUM JIAN-WEI & MARK JAMES**

**MENCEMAR DULI...** Keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Haminah Hamidun ke negeri Pulau Pinang disambut barisan kepimpinan Kerajaan Negeri di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) di sini baru-baru ini.

Mengetuai majlis tersebut adalah Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri, Betty Chew; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri, barisan Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Mokhtar Mohd. Jait; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan lain-lain.

Difahamkan, keberangkatan tiba baginda di sini adalah bertujuan beristirahat bersama-sama keluarga di utara Semenanjung.

Dalam pada itu, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri termasuk Guan Eng dan isteri turut mengiringi keberangkatan pulang baginda di LTABL tiga hari kemudian.



**TUN Dr. Abdul Rahman Abbas (dua dari kanan) dan isteri merafak sembah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ketika keberangkatan tiba baginda di LTABL di sini baru-baru ini.**



**MOKHTAR Mohd. Jait (barisan depan, dua dari kanan) merafak sembah Yang di-Pertuan Agong yang bakal berangkat pulang.**



**KEBERANGKATAN tiba Yang di-Pertuan Agong turut disambut Mohd. Rashid Hasnon (empat dari kanan) serta isteri dan Farizan Darus (kanan sekali).**



**KETUA Menteri dan isteri merafak sembah Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang baru berangkat tiba.**

# KM harap semakan kehakiman beri keadilan kepada PPS

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Fail semakan kehakiman berhubung pengumuman Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang mengharamkan penubuhan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) di bawah Kerajaan Negeri baru-baru ini diharap dapat memberi keadilan kepada 157 mangsa tangkapan polis.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pengumuman Ahmad Zahid yang dibuat kira-kira dua bulan selepas insiden tangkapan beramai-ramai 157 anggota PPS terbabit pada 31 Ogos tahun lepas adalah tidak mengikut prinsip keadilan sejagat.

"Kalau nak ambil tindakan, buat perintah dahulu dan barulah ambil tindakan.

"Permohonan (semakan kehakiman) ini diharap dapat mengembalikan keadilan untuk semua ahli PPS, lebih-lebih lagi apabila perintah pengharaman dibuat selepas 157 ahli PPS ditahan," ujarnya kepada wartawan selepas selesai proses memfailkan semakan kehakiman berwajib di perkarangan Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan) dan Wong Hon Wai (Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri) turut menyertai sidang media tersebut.



**PPS yang terlibat dalam perbarisan rasmi sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Pulau Pinang 31 Ogos 2014.**

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh, yang masing-masing merupakan pengamal undang-undang.

Guan Eng memberitahu, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh selaku Pengerusi PPS akan bertindak sebagai plaintif, mewakili Kerajaan Negeri.

Wakil kepada tiga pihak defenden, iaitu Menteri Dalam Negeri, Ketua Inspektor Polis dan Kerajaan Malaysia sebagaimana dinamakan dalam fail afidavid Kerajaan Negeri masing-masing tidak kelihatan pada hari Kerajaan Negeri memfailkan semakan kehakiman dibuat di sini.

Menurut Guan Eng, peguam yang akan mewakili Boon Poh kemungkinan adalah Dato' S. Ambiga, Datuk Malik Imtiyaz Sarwar, Tommy Thomas dan Gobind Singh Deo yang juga Ahli Parlimen Puchong.

Terdahulu, Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Khalid Abu Bakar pada 26 Ogos tahun lepas mendakwa kewujudan PPS adalah bersalahan dengan undang-undang, kerana tidak pernah ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966.

Dakwaan itu, selepas insiden ahli perniagaan Ong Eu Soon, 51, mengaku diserang oleh dua lelaki berpakaian seragam PPS di Air Itam.

Susulah kenyataan Khalid, seramai 157 anggota PPS ditangkap pada 31 Ogos tahun lepas, sejurus selesai menyertai perarakan rasmi Sambutan Hari Merdeka Peringkat Negeri di Padang Kota Lama di sini, lalu direman semalaman dalam lokap polis.



**(Barisan depan, dari kiri), PROF. Dr. P. Ramasamy, Ketua Menteri, Phee Boon Poh, Jagdeep Singh Deo dan Ramkarpal Singh ketika memfailkan semakan kehakiman berwajib di perkarangan Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Guan Eng dalam beberapa kenyataannya menegaskan bahawa PPS ditubuhkan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri serta tidak perlu didaftarkan di bawah Pendaftar Pertubuhan (ROS), seperti amalan kebiasaaan di Pulau Pinang serta negeri-negeri lain dalam menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK).

Guan Eng kemudiannya mengumumkan keputusan rasmi Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri, iaitu 'merehatkan' keseluruhan operasi PPS sehingga ada deklarasi daripada mahkamah.

Pada 4 November tahun lepas, Ahmad Zahid mengumumkan PPS sebagai pertubuhan haram serta mengarahkan aset rasmi pasukan sukarelawan tersebut dirampas.

Sehari kemudian, Guan Eng pula mengumumkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri memfailkan semakan kehakiman (*judicial review*) ke atas Ahmad Zahid dan dua pihak lain atas pengumuman Menteri berkenaan yang didakwa berniat jahat atau *mala-fide*.

# Ahli Qariah Masjid Jalan Telaga Air model keharmonian agama - KM

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **TANG KENG LEONG**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang memuji jemaah Masjid Telaga Air, Butterworth, Bagan Jermal atas kejayaan mereka memberkas seorang lelaki yang bertindak membaling satu bungkusan dipercayai mengandungi daging khinzir ke dalam kawasan masjid berkaitan awal pagi 7 Februari lalu di sini.

Lanjutan itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri mengutuk sekeras-kerasnya perbuatan jenayah tidak bertamadun itu, malah, pihak polis mesti mengambil tindakan tegas terhadap suspek lelaki dipercayai mengalami masalah mental yang mana telah menunjukkan sikap tidak menghormati agama serta mengancam keharmonian agama dalam masyarakat.

"Tindakan tegas dan pantas perlu diambil terhadap mereka yang melakukan perbuatan merosak dan tidak diingini itu kerana ia telah mengancam keharmonian agama dan rumah-rumah ibadat.

"Bagaimanapun, saya yakin warga Pulau Pinang cukup matang untuk memastikan keharmonian kaum dan agama terus kekal, manakala keamanan dipertahankan apabila rakyat tidak mudah terpengaruh dan terjejas dengan perbuatan-perbuatan yang tidak diingini serta merosakkan itu," katanya dalam satu kenyataan di sini baru-baru ini.



KETUA Menteri berjabat tangan dengan Mohd. Nasri Hassim (dua dari kanan) sambil diperhatikan Mohd. Rizuan Hassim (tengah), Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali) dan Lim Hock Seng (kanan sekali) pada sesi lawatan khas ke Masjid Telaga Air, Bagan Jermal di sini baru-baru ini.

Ekoran kejadian tersebut, Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan telah mengadakan lawatan ke masjid berkaitan.

Turut serta, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi) yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng dan Pengerusi Qariah Masjid Telaga Air, Mohd. Rizuan Hassim.

Menurutnya, ahli Qariah Masjid Jalan Telaga Air perlu dijadikan model keharmonian agama dan muhibah ekoran kesabaran mereka untuk menahan lelaki yang terlibat dalam perbuatan menghina masjid berkenaan.

"Kerajaan Negeri mengulangi kecaman keras terhadap serangan jenayah tidak bertamadun ini. Jelas sekali pelakunya ini mengalami masalah mental kerana tidak mensasarkan masjid lain di kawasan sama, sebaliknya hanya Masjid Jalan Telaga Air dan insiden tidak hanya berlaku pada waktu malam, tetapi juga siang hari," tegas beliau.

Tambah Guan Eng, ketika mengadakan lawatan ke masjid berkaitan, beliau terkejut apabila dimaklumkan bahawa kejadian tersebut bukan kali pertama berlaku, tetapi merupakan kejadian berulang.

"Ahli Qariah dengan sabar menunggu pelaku itu dengan meronda kawasan tersebut dengan polis.

"Akhirnya, mereka menangkap lelaki bermasalah mental ketika (dia) sedang bertindak mencampakkan bungkusan. Salah seorang ahli jemaah, Mohd. Nasri Hassim dengan berani mengejar lelaki (suspek) berkaitan dengan motosikal dan kemudian menyerahkannya kepada polis yang turut bertindak mengejar suspek di belakangnya," jelas beliau.

Guan Eng memberitahu, tindakan tersebut merupakan suatu yang harus dipuji iaitu kesabaran pihak masjid menunggu pelakunya dan tidak mahu membangkitkan perkara tersebut secara terbuka ekoran kebimbangan masing-masing berkenaan sensitiviti agama.

"Mereka memberitahu saya bahawa perbuatan itu cuma dilakukan oleh seorang lelaki yang kurang siuman. Mereka tidak mahu menghebohkan kejadian itu untuk mengelakkan salah faham dan menghalangnya daripada dieksploitasi.

"Kefahaman dan keprihatinan terhadap keharmonian berbilang agama dan sensitiviti dalam masyarakat berbilang kaum membanggakan rakyat Pulau Pinang.

"Tindakan sensitif pihak Masjid Jalan Telaga Air membuktikan bahawa terdapat ramai wira tidak didendang di Pulau Pinang yang bekerja tanpa mengenal penat-lelah dan secara senyap-senyap bertekad memelihara, melindungi dan menggalakkan keharmonian agama.

"Muhibah dan semangat seperti ini adalah sebab utama wujudnya keyakinan untuk kejayaan masa depan Pulau Pinang dan kemakmuran berasaskan kerjasama dan saling hormat-menghormati dalam kalangan semua rakyat Pulau Pinang tanpa mengira kaum dan agama," seru beliau.

Sebagai tindakan susulan, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan membantu meningkatkan keselamatan di kawasan terbabit dengan memasang kamera litar tertutup (CCTV) di seberang jalan.

"Malah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan bekerjasama secara aktif dengan semua pihak berkaitan bagi memastikan serangan-serangan ini tidak akan menjejaskan perpaduan dan kestabilan masyarakat pelbagai kaum dan agama di negeri ini," katanya.

Kejadian tersebut merupakan insiden ketiga pada tahun ini di mana rumah-rumah ibadat telah dinodai dan diserang. Dua kejadian awal telah berlaku di Wat Buddha Siam di Tanah Liat, Bukit Mertajam dan di Kuil Hindu Kaliamman, Pokok Machang, Tasek Gelugor.

Kedua-dua serangan berkenaan adalah berpunca daripada lelaki yang turut dipercayai mengalami masalah mental, di mana telah ditangkap polis.

# Kontraktor Bumiputera mampu bersaing dalam tender terbuka

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAGAN DALAM** - Pelebaran Jalan Siram sepanjang satu kilometer dalam kawasan Parlimen Bagan di sini menelan belanja RM8.9 juta dan dijangka siap sepenuhnya pada 9 April depan merupakan satu lagi rekod komitmen Kerajaan Negeri dalam meningkatkan mutu infrastruktur kemudahan asas rakyat di bandar dan di luar bandar dekat negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, projek penarafan itu diharap mampu mengurangkan lagi kesesakan trafik dari persimpangan Jalan Lingkaran Luar Butterworth (BORR) ke Jalan Sungai Nyior hingga persimpangan Jalan Telaga Air Tawar ke Jalan Raja Uda di sini kelak.

"Kos menaiktaraf Jalan (Siram) berjumlah RM4.29 juta, manakala, kos pengambilan balik tanah pula berjumlah RM4.4222 juta.

"Ini, sebagai satu lagi projek Kerajaan Negeri yang akan memberikan faedah kepada penduduk setempat," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada Majlis Pecah Tanah Projek Penarafan Sistem Saliran Dan Jalan Siram di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Thanasekharan, Datuk Abu Jamal Nordin (Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pembangunan), Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif dan Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang, Ir. Salleh Awang turut hadir pada majlis tersebut.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri pada tahun ini memperuntukkan sejumlah RM32.7 juta untuk penarafan beberapa jalan berwajib, khususnya enam projek pembangunan infrastruktur kemudahan asas di bandar dan luar bandar yang keseluruhan menelan belanja RM86.3 juta.

"Kita belanja RM32.7 juta pada tahun ini, dan bakinya untuk keseluruhan kos projek berjumlah RM86.3 juta akan disediakan pada tahun depan," ujar Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Justeru, menurut beliau, rancangan pembangunan Kerajaan Negeri pada masa hadapan tersebut sekaligus akan membawa manfaat kepada para kontraktor Bumiputera berwibawa melalui amalan tender terbuka, sebagaimana ADZ Prima Sdn. Bhd. yang dipilih melaksanakan projek penarafan Jalan Siram sejak 9 Mei tahun lepas.



KETUA Menteri menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Projek Penarafan Jalan Siram sambil diperhati barisan kepemimpinan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

"ADZ Prima Sdn. Bhd. telah menang secara tender terbuka kerana menawarkan harga paling baik dan mutu paling baik dengan menyiapkan projek ikut jadual.

"Jangan cakaplah bahawa kontraktor Bumiputera tidak mampu bersaing dalam tender terbuka, kerana memang ada kontraktor berwibawa yang mampu dipilih kerana mereka layak dan ada wibawa," tegasnya.

# KM harap 'Harimau Kumbang' layak Liga Super



PARA pemain kedua-dua pasukan berjalan keluar dari bilik persalinan.

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MARK JAMES**

**DATUK KERAMAT** - Perlawanan pembukaan bola sepak Liga Perdana 2015 antara pasukan Pulau Pinang menentang Kuantan F.A. turut disaksikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Guan Eng, diiringi Presiden Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP), Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff turut dibawa bertemu kesebelasan utama pasukan 'Harimau Kumbang' negeri di padang, sebelum wisel permulaan ditiupkan di Stadium Bandaraya di sini baru-baru ini.

Pada pertemuan ringkas itu, Guan Eng sekali lagi melahirkan harapan agar persembahan 'Harimau Kumbang' pada musim ini terbaik serta tidak mengecewakan rakyat Pulau Pinang yang terus berharap pasukan kegemaran mereka layak ke Liga Super 2016 kelak.

Kelihatan, peminat setia Pulau Pinang dikenali 'Abang Burung' secara peribadi mencuri peluang dengan menyampaikan cenderahati kepada Guan Eng, sebagai menghargai komitmen Kerajaan Negeri mereputasi industri bola sepak negeri.

Pada minit ke-53, hantaran lintang pemain import 'Harimau Kumbang', Hilton Maureira ke petak penalti mencipta kejutan gol, walaupun pemain pertahanan Kuantan F.A, Lee Kwang Hyeun yang cuba menanduk keluar akhirnya melolos gawang sendiri.

Perlawanan sulung tersebut bagaikan langkah kanan untuk 'Harimau Kumbang' apabila menang 1-0 hingga minit ke-90.

Jackson F. Tiago, dalam reaksi spontan mengaku bahawa beliau masih belum berpuas hati dengan mutu persembahan pasukannya, kerana gagal mencipta beberapa gol tambahan dengan peluang yang ada.

"Sekiranya kita jaringkan gol awal terlebih dahulu dengan memanfaatkan beberapa peluang pada lima minit awal permainan, mungkin tempo perlawanan agak berbeza dan permainan akan menjadi lebih mudah.

"Namun, apabila satu demi satu peluang terlepas, pemain-pemain sudah mula menampakkan kekecewaan dan momentum pasukan mula kendur, nasib baik kita berjaya memperoleh satu gol saguhati," jelas beliau sejurus tamat perlawanan.

Bagi persediaan Liga Perdana 2015, Pulau Pinang kini menjadi sebutan pasukan lawan berikutan sokongan padu oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) yang menaja sebanyak RM4 juta.

Beberapa hari menjelang Liga Perdana 2015, pihak pemaju, Tropicana Ivory Sdn. Bhd. pula turut menyumbangkan bakat muda RM3 juta bagi pembangunan bakat muda FAP, sekaligus menggambarkan harapan rakyat dan beberapa pihak pada mutu persembahan 'Harimau Kumbang'.



KEDUA-dua pasukan berbaris di padang sebelum bermulanya perlawanan sulung Liga Perdana 2015 di Stadium Bandaraya di sini baru-baru ini.

# Mohd. Redzuan Ketua Pasukan Bola Sepak P. Pinang 2015

Gambar : **LAW SUUN TING**



BARISAN jurulatih pasukan bola sepak Pulau Pinang.



BARISAN pemain pasukan bola sepak Pulau Pinang memperagakan jersi 'Harimau Kumbang' bagi musim 2015 pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, menyatakan bahawa sekiranya pasukan bola sepak Pulau Pinang yang menerima nama jolokan, Harimau Kumbang beraksi dengan cemerlang pada saingan Liga Perdana 2015, insentif tambahan berjumlah RM2 juta akan disumbangkan kepada pihak berkaitan.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah menyumbangkan peruntukan RM4 juta kepada Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) sebagai persediaan menghadapi saingan tahun ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) meletakkan harapan yang tinggi kepada pasukan ini.

"Diharapkan barisan pemain dan jurulatih dapat mengembalikan zaman kegemilangan bola sepak Pulau Pinang serta mencapai hasrat ke saingan Liga Super bagi musim 2016 kelak," jelasnya pada Majlis Pelancaran Jersi Baru Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden FAP, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff.

Pada majlis berkenaan, anak jati Seberang Jaya, Mohd. Redzuan Nawi turut dinamakan sebagai Ketua Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang bagi tahun 2015.

Selaras dengan pelancaran tersebut, jersi tema biru adalah bagi perlawanan di Stadium Bandaraya dan perlawanan di tempat lawan (tema putih).

Menurut Nazir Ariff, pihak FAP kini begitu gigih menjalankan program pembangunan akar umbi bermula dari usia lima tahun hingga 19 tahun demi memperkasakan pasukan bola sepak negeri di masa hadapan.

Dalam pada itu, jurulatih pasukan bola sepak Pulau Pinang, Jackson F. Tiago mengakui harapan membawa pasukan ke Liga Super adalah tidak semudah disangka.

"Tiada pasukan yang boleh dipandang rendah kerana masing-masing ada kelebihan tersendiri seperti Kedah, Ns Matrix, JDT II dan lain-lain yang turut melakukan persiapan rapi," ujar beliau.

Pada kesempatan tersebut, FAP melalui laman web rasmi turut menyeru agar para penyokong mendapatkan jersi jenis asli *(original)* kerana bagi setiap pembelian (jersi asli), RM10 akan disumbangkan bagi program pembangunan bakat muda negeri ini.

Jersi boleh didapati di premis *ActiveSports* tingkat dua, Komtar di sini.

# PIHEC penting letak P. Pinang destinasi halal global - KM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa 'rencah' kari dan rempah yang banyak digunakan dalam masakan negeri ini seperti nasi kandar, nasi dalca dan makanan-makanan jalanan dapat mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi makanan halal di mata dunia.



**CHEF Norman Musa membantu Abdul Malik Abul Kassim memakaikan topi chef sebagai simbolik Majlis Perasmian PIHEC Ke-6 di sini baru-baru ini.**

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Ekspo dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) Ke-Enam di *Subterranean Penang International Convention & Exhibition Centre* (SPICE) di sini baru-baru ini.

"Sejak mula dianjurkan pada 2009, saya dapati PIHEC menjadi salah satu ekspo terpenting bukan sahaja di wilayah utara, tetapi juga di Malaysia.

"Serentak itu, kemajuan sektor halal di Pulau Pinang dilihat menarik lebih daripada RM480 juta pertumbuhan pelaburan modal sejak ditubuhkan empat tahun lalu di Taman Perindustrian Halal, Batu Kawan.

"Pembangunan dan pelaburan ini berjaya meletakkan Pulau Pinang sebagai antara destinasi halal yang global. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pengerusi PIHEC, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan pasukannya," ucap beliau pada majlis berprestij berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri meraikan chef-chef pada Majlis Makan Malam Gala Festival Kari Dunia.**

Penganjuran PIHEC 2015 oleh syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC), *Halal Penang* mencatatkan sejarah tersendiri apabila buat julung kalinya, 'Festival Kari Sedunia' yang kebiasaannya yang hanya dianjurkan di Bradford, England berjaya 'dibawa' ke Pulau Pinang.

Turut menjadi daya tarikan adalah kehadiran chef terkemuka kelahiran Pulau Pinang, Norman Musa yang berjaya menempa nama di Manchester, England melalui restoran masakan Malaysia milik beliau.

Dalam pada itu, Abdul Malik menyifatkan kejayaan penglibatan 307 gerai pada penganjuran PIHEC 2015 adalah penyertaan terbesar setakat ini.

"Bertemakan Festival Kari Sedunia, kita (PIHEC) menerima banyak penyertaan antarabangsa antaranya dari Belgium, Switzerland, Pakistan, Thailand, Jepun dan England," jelas beliau.

Serentak itu, chef-chef dan jemputan khas turut diraikan dalam Majlis Makan Malam Gala Festival Kari Dunia yang turut diserikan dengan kehadiran Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Idea penganjuran PIHEC adalah dicetuskan Guan Eng hasil lawatan beliau ke *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) 2009 di Kuala Lumpur yang mana tiada penglibatan wakil-wakil dari negeri Pulau Pinang.

## Dokumen PR1MA hilang mungkin dalih Pusat – Jagdeep

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **TAM POH GUEK**

**GEORGE TOWN** - Dakwaan kehilangan dokumen berwajib berhubung tiga projek pemajuan di bawah Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) untuk membina 12,074 unit rumah mampu milik di Pulau Pinang kemungkinan hanya dalih untuk menutup kelemahan Kerajaan Pusat dalam memenuhi keperluan rakyat di negeri ini semata-mata .

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo bagaimanapun berkata, pihaknya sebelum ini telahpun mengutus surat kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Seri Shahidan Kasim untuk menuntut penjelasan mengenai perkara berwajib.

"Pengumuman semata-mata tak beri makna, sebaliknya, Kerajaan Persekutuan perlu tunjuk kesungguhan membina perumahan mampu milik serta-merta dengan kemukakan pelan sebenar, sama seperti yang dilakukan oleh sektor swasta di sini.

"Dokumen yang didakwa terdapat 12,074 unit daripada tiga projek PR1MA telah hilang.

"Ini, mengesahkan teori saya bahawa tidak ada rancangan konkrit untuk membina perumahan mampu milik di Pulau Pinang," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat kepada wartawan di sini baru-baru ini.

ADUN Padang Kota merangkap Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow turut sertai sidang media tersebut.

Tambah Jagdeep, Kerajaan Pusat digesa lebih jujur serta konsistan dalam rancangan memajukan rumah mampu milik di negeri ini, bukannya sekadar membuat beberapa kenyataan umum yang mengelirukan semua pihak termasuk Kerajaan Negeri.

Terdahulu, Ketua Pegawai Eksekutif PRIMA, Datuk Mutalib Alias pada tahun 2012 dilaporkan mengumumkan rancangan pembinaan projek PR1MA di bahagian pulau dan tanah besar, Seberang Perai, Pulau Pinang.



**JAGDEEP Singh Deo (kiri) dan Chow Kon Yeow mendedahkan dokumen berwajib mengenai tiga projek PR1MA yang didakwa telah hilang daripada simpanan Kerajaan Pusat pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Kenyataannya itu disusuli pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sendiri menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) iaitu cadangan pemajuan 9,999 unit rumah mampu milik di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam.

Pelbagai spekulasi dan pengumuman dibuat sejurus selepas itu, hingga pada Mesyuarat terakhir Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan pada 26 Januari lalu yang turut dihadiri oleh Kon Yeow.

Mengulas mengenai tindak-tanduk Kerajaan Pusat, Jagdeep mendedahkan bahawa satu dokumen yang dibekalkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) jelas menyatakan sebanyak 12,074 perumahan merangkumi tiga projek PR1MA, kononnya sedang menunggu kelulusan Kerajaan Negeri.

Tidak cukup dengan itu, Kerajaan Pusat baru-baru ini dilihat seakan berdalih lagi, kononnya dokumen-dokumen berwajib tersebut telah hilang dari simpanan mereka pula apabila kian didesak memberi penjelasan berbangkit kepada Kerajaan Negeri.

## 350 rebut kejuaraan Halal Chefs Challenge 2015



**JURI-juri profesional yang mengadili pertandingan *Halal Chefs Challenge 2015* yang berlangsung di SPICE di sini baru-baru ini.**

Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**BAKAT MASAKAN...** Kira-kira 350 peserta dari segenap pelusuk negara menyertai musim kedua acara Halal Chefs Challenge 2015, sempena penganjuran Ekspo dan Persidangan Halal Antarabangsa (PIHEC) 2015 bertempat di *Subterranean Penang International Conference & Exhibition Centre* (SPICE) baru-baru ini di sini.

Menariknya, chef berpengalaman dan pelajar bidang kulinari masing-masing kelihatan gigih membuktikan bakat masakan demi merebut kejuaraan dalam 19 kategori yang dipertandingkan.

Saingan kali ini diadili juri-juri profesional dari Malaysia, Thailand, Indonesia dan Singapura bagi memilih penerima Anugerah Chef Masakan Moden, Anugerah Chef Masakan Melayu, Anugerah Chef Artis Halal dan Anugerah Chef Pastri Halal.



**PARA pemenang *Halal Chefs Challenge 2015* menunjukkan piala dan sijil kemenangan masing-masing.**

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang yang berupa wang tunai berjumlah RM1,000, trofi dan sijil penyertaan.

# 1.3 juta rai Thaipusam di P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN & MARK JAMES**

**TANJUNG BUNGAH –** Kira-kira 1.3 juta pengunjung meraikan sambutan Thaipusam Ke-229 di Kuil Arulmigu Thandayuthapani dekat Jalan Air Terjun, Tanjung Bungah di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, Kerajaan Negeri menyumbang RM200,000 sebagai komitmen menghargai pengunjung termasuk pelancong asing sempena perayaan penganut Hindu itu.



**PENGANUT-penganut agama Hindu memecahkan kelapa sebagai menunaikan hajat masing-masing.**



**PROF. Dr. P. Ramasamy (lima dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan ke panthal-panthal sempena sambutan Thaipusam sepanjang Jalan Air Terjun, Tanjung Bungah di sini baru-baru ini.**

“Kerajaan Negeri memang memberi sokongan penuh pada perkembangan semua agama mengikut keperluan masing-masing dan sumbangan RM200,000 ini adalah tanda sokongan Kerajaan Negeri atas sambutan Thaipusam di *Hilltop Temple* ini.

“Sekarang, Pulau Pinang dikenali sebagai salah satu destinasi pelancongan pilihan di rantau ini dan *Hilltop Temple* merupakan salah satu ikon tarikan pelancongan ke negeri ini, terutamanya pada musim perayaan,” katanya pada keraian tersebut di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Guan Eng juga turut menyeru rakyat berbilang kaum di negeri ini supaya bersatu-padu dalam mendepani rancangan Kerajaan Pusat untuk melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), yang dijadual berkuatkuasa pada 1 April depan.

“Tahun ini akan menjadi cabaran kepada semua rakyat tanpa mengira warna kulit atau agama kerana masing-masing akan dibebankan dengan GST, tetapi, Kerajaan Negeri berharap semua teguh bersatu membantah pelaksanaan GST oleh Kerajaan Pusat biar sampai berjaya,” tegas Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih turut memuji para ahli Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang atas tadbir urus baik berhubung hal ehwal agama dan penganut Hindu di negeri ini.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang berucap pada majlis sama berkata, pihaknya mengesyorkan pemajuan sebuah keretapi kabel ke puncak Kuil Arulmigu Thandayuthapani di sini, sebagaimana di kawasan pelancongan Bukit Bendera suatu hari nanti.

“Pembinaan kenderaan ini dianggarkan memerlukan peruntukan kira-kira RM6.2 juta, yang akan membolehkan pengunjung lebih mudah naik ke puncak kuil ini suatu hari nanti,” ujar Ramasamy yang juga ADUN Perai.

Nada yang sama turut diucapkan Pengerusi Kuil Arulmigu Thandayuthapani, R. Subramaniam.

“Ini (Kuil Arulmigu Thandayuthapani) bukan sekadar kawasan keagamaan Hindu sahaja, bahkan, telahpun menjadi salah satu ikon pelancongan antarabangsa yang menarik di negeri ini,” ujar Subramaniam sambil merakamkan penghargaan atas sumbangan RM200,000 daripada Kerajaan Negeri.

Exco Pembangunan Pelancongan merangkap ADUN Batu Lancang, Law Heng Kiang, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng, T. Jayabalan (ADUN Batu Uban), R.S.N. Rayer (ADUN Seri Delima), A. Thanasekharan (ADUN Bagan Dalam), Zairil Khir Johari (Ahli Parlimen Bukit Bendera) dan P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan) turut menyertai majlis keraian tersebut.

Hari Thaipusam merupakan perayaan yang disambut oleh mereka yang beragama Hindu di seluruh dunia, bagi menghormati dewa Hindu, Dewa Murugan atau juga dikenali sebagai Dewa Subramaniam.

Pada hari tersebut, penganut agama Hindu ada yang mengambil peluang untuk menunaikan nazar dan menebus dosa atau memohon ampun atas dosa-dosa yang telah dilakukan selama ini.



**SALAH seorang penganut menunaikan nazar atau *aalavu kuttuthal.***



**PENGANUT agama Hindu membawa kavadi untuk menunaikan nazar masing-masing.**

# ESTEEM kembang bakat sumber manusia

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**SERI DELIMA** - Langkah Kerajaan Negeri melaksanakan penerapan Sains, Teknologi Kejuruteraan, Bahasa Inggeris dan Matematik (ESTEEM) dalam sistem pendidikan terpilih di negeri ini adalah serampang tiga mata demi mengembangkan bakat sumber manusia Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, langkah itu perlu demi memastikan sumber manusia di negeri ini benar-benar boleh memenuhi permintaan pasaran ekonomi global yang kian berubah-ubah serta mencabar pada masa depan.

“Kita tidak mempunyai sumber asli, tetapi, hanya sumber manusia.

“Justeru, perlu dipastikan sistem pendidikan ini mempunyai apa yang diperlukan dalam menghadapi cabaran global dan perubahan permintaan pasaran kini.

“Kita (Kerajaan Negeri) menyediakan pembiayaan tahunan kepada semua sekolah-sekolah vernakular dan separuh agama.

“Kedua, penubuhan Pusat Pembelajaran yang mengguna pakai konsep STEM (Pengajaran Sains, Teknologi, Bahasa Inggeris dan Matematik).

“Yang terakhir usaha menarik universiti bertaraf dunia serta mengguna pakai sistem sekolah Vokasional Jerman ke dalam syarikat-syarikat antarabangsa dengan harapan agar Pulau Pinang menjadi negeri pertama menjalankannya (sistem Sekolah Vokasional Jerman),” jelasnya pada Majlis Pembukaan Rasmi Pusat Pembelajaran Karpal Singh Pulau Pinang (KSPLC) di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer dan Ramkarpal Singh (Ahli Parlimen Bukit Gelugor).



**RUPA bentuk KSPLC.**



**SEKUMPULAN kanak-kanak mendaftar bagi mengikuti pembelajaran sains dan teknologi kejuruteraan dengan meneroka satu peranti robotik pada Majlis Pembukaan Rasmi KSPLC di sini baru-baru ini.**

Dalam perkembangan sama, Kerajaan Negeri turut menubuhkan Kluster Sains Pulau Pinang (PSC) di Wisma Yeap Chor Ee dekat George Town untuk tujuan pameran ciptaan saintifik tempatan.

Di wisma tersebut, Kafe Sains Pulau Pinang yang terbesar di negeri ini turut diwujudkan bagi pengajian formal mengenai bidang robotik.

Kira-kira RM4 juta diperuntukkan *ECM Libra Foundation* bagi membangunkan pusat tersebut di atas tanah sebidang tanah berkeluasan 2.63 ekar dalam Kawasan Parlimen Bukit Gelugor hasil model perkongsian awam swasta (PPP).

Manakala, KSPLC yang telahpun siap dibina di Kawasan Parlimen Bukit Gelugor di sini pula adalah bertujuan meningkatkan keupayaan pembelajaran ESTEEM serta bidang robotik dalam kalangan generasi muda ke arah melahirkan sumber manusia berbakat pada masa depan.

# Jabatan Audit Negara mesti bebas bongkar skandal 1MDB – KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN** - Jabatan Audit Negara mesti dibebaskan daripada kuasa eksekutif Kerajaan Pusat demi membolehkan skandal hutang luar biasa berjumlah RM42 bilion yang membabitkan syarikat pelaburan negara, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) disiasat secara terbuka serta dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahunan akan datang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian semasa menyampaikan ucapan pembukaan Forum "Audit Kerajaan: Formaliti atau Kebertanggungjawaban?" anjuran badan pemikir Kerajaan Negeri, *Penang Institute* (PI) di sini baru-baru ini.

Bagi Guan Eng, Ketua Audit Negara, Tan Sri Datuk Setia Ambrin Buang sepatutnya sudah boleh ke depan dalam menyiasat skandal 1MDB yang dibangkitkan banyak pihak belakangan ini, supaya tidak lagi mengulangi rekod kegagalan negara dalam isu Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dahulu.

"Membingungkan apabila melihat Ketua Audit Negara masih enggan membuka buku 1MDB.

"Ini adalah salah satu perkara yang Ketua Audit Negara boleh betulkan dan menyelamatkan negara daripada mengalami kerugian teruk.

"Dalam erti kata lain, mencegah satu lagi skandal seperti skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (melibatkan wang negara berjumlah) RM13 bilion," tegasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan di sini.

Mengulas mengenai Laporan Ketua Audit Negara 2013, Guan Eng memberitahu, ketirisan dalam tadbir urus Kerajaan Pusat seperti dalam skandal 1MDB sebenarnya turut memberi kesan berantai pada rancangan pembangunan Kerajaan Negeri termasuk di Pulau Pinang.

Memetik laporan tahun sehingga 31 Disember 2013 itu, tegasnya, hanya 58.3 peratus daripada peruntukan diluluskan berjumlah RM363.39 juta telahpun dibelanjakan, namun, Pulau Pinang direkodkan berjaya menyiapkan 98.4 peratus daripada sejumlah 3,516 projek yang dirancang.

"Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri sebenarnya telah kurang berbelanja, tetapi, mencapai lebih banyak (pencapaian).

"Ini, diterjemahkan sebagai bijak, selain sistem penyampaian berkesan dan kebergantungan pada sistem tender terbuka yang berdaya saing serta menggalakkan ketelusan serta kecekapan," jelas Guan Eng.

Tambahnya, laporan audit terbaru tahun 2013 yang dipetik turut mendedahkan kutipan hasil di Pulau Pinang menyaksikan peningkatan sebanyak 27.4 peratus, berbanding peningkatan dicapai Kerajaan Pusat pada angka 2.6 peratus sahaja.



**ZAIRIL Khir Johari ketika berucap pada penganjuran Forum "Audit Kerajaan: Formaliti atau Kebertanggungjawaban?" anjuran PI di sini baru-baru ini.**

"Lebihan kewangan saban tahun sejak 2008 yang dicapai walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan bajet defisit, turut dipuji dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013," kata Guan Eng.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong selaku salah seorang panelis pada forum tersebut berkata, Ahli Parlimen di Dewan Rakyat atau Jawatankuasa Kira-Kira (PAC) yang ditubuhkan di bawah Parlimen pun sebenarnya tidak mempunyai kuasa untuk mengarahkan Ketua Audit Negara menyiasat skandal seperti 1MDB.

Justeru, katanya, Jabatan Audit Negara pada masa depan lebih wajar diletakkan di bawah Parlimen supaya lebih bebas daripada pengaruh kuasa eksekutif Kerajaan Pusat berbanding sekarang.

Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Ketua Pengarah Eksekutif PI, Zairil Khir Johari turut menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis wacana tersebut.

Ahli Parlimen Pulai merangkap Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed dan Penasihat Undang-Undang bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Han Chee Rull turut tampil sebagai panelis pada forum terbuka tersebut.

# Kejayaan EQX Materials wajar dicontohi syarikat PKS lain

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BATU KAWAN –** Kejayaan pembukaan bangunan pejabat baru seluas 1.5 ekar syarikat pembekalan semikonduktor, bahan solar kimia perindustrian dan bahan-bahan pembinaan bangunan generasi baru, EQX Materials Sdn. Bhd. (EQX Materials) di *Penang Science Park* di sini wajar dicontohi syarikat Perniagaan Kecil dan Sederhana (PKS) lain.


**MOHD. Rashid Hasnon (tiga dari kiri), Roland Choong Tae Kwon (dua dari kiri) dan Kimikazu Ichikawa (tiga dari kanan) memotong reben di hadapan pintu masuk bangunan baru EQX Materials pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

Kenyataan tersebut dinyatakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang mewakili Ketua Menteri ke majlis perasmian bangunan tersebut baru-baru ini.

Dalam ucapannya, Mohd. Rashid memberitahu bahawa beliau difahamkan bahawa syarikat terbabit kini telah berkembang menjadi sebuah syarikat serantau yang mempunyai pejabat pemasaran dan rantaian pembekalan di Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand, Myanmar, Hong Kong, China, Taiwan, Bangladesh, India serta Emiriah Arab Bersatu.

"Kerajaan Negeri amat berbangga dengan kejayaan dikecapi syarikat ini dan berharap agar lebih banyak syarikat PKS lain dapat mengikut jejak langkah mereka," ujar beliau.

Hadir sama, Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani, Steven Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai. MPSP), Roland Choong Tae Kwon (Pengarah Urusan EQX Materials Sdn. Bhd.) dan Kimikazu Ichikawa (Pengarah Urusan AGC Asia Pacific).

Tambah Rashid yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat, pembinaan pejabat baru EQX Materials adalah di atas platform disediakan Kerajaan Negeri.

"Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan kehadiran mana-mana pelaburan bona fide yang boleh menyumbang kepada ekonomi dan kesejahteraan sosial negeri dan rakyat di Pulau Pinang.

"Tambahan, kita sentiasa menyokong penuh syarikat-syarikat yang beroperasi selari dengan polisi hijau Kerajaan Negeri seperti dilakukan EQX Materials," jelas Mohd. Rashid.

# Exco seru lebih ramai tampil bantu kos implan koklea

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** - Mengikut statistik, secara purata dua hingga lima kanak-kanak dalam 1,000 kelahiran mengalami masalah pendengaran kongenital sejak lahir.


**DR. Afif Bahardin (empat dari kanan) dan Dr. Mary Quah (tiga dari kanan) beramah-mesra dengan ibu bapa kanak-kanak yang berjaya menjalani pembedahan implan koklea di LSC di sini baru-baru ini.**

Di negara-negara seperti Singapura, Amerika Syarikat dan Australia, ujian saringan pendengaran dan pertuturan menjadi kemestian bagi setiap bayi yang lahir.

Menurut Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, di Malaysia, ujian saringan pendengaran dan pertuturan tidak dimestikan, tetapi amatlah disarankan terutama bagi ibu bapa yang mendapati anak mereka lambat menguasai pertuturan seperti kanak-kanak normal lain.

"Memang sukar untuk mengesan kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran, tetapi sebagai tips, ibu bapa boleh memantau perilaku anak-anak.

"Sekiranya anak-anak banyak menggunakan pergerakan untuk memberitahu apa yang mereka mahukan, maka kebarangkalian anak-anak ini mengalami masalah pendengaran adalah amat tinggi," katanya ketika hadir menyampaikan sumbangan kewangan kepada keluarga bayi yang menjalani pembedahan implan koklea di Pusat Perubatan Pakar Swasta Loh Guan Lye (LSC) di sini baru-baru ini.

Turut sama Ketua Pegawai Eksekutif (LSC), Dr. Mary Quah.

Jelas Afif, sejajar dengan perkembangan teknologi terkini, kanak-kanak yang mengalami masalah pendengaran dapat dirawat melalui pembedahan implan koklea sama ada pembedahan unilateral (sebelah telinga) mahupun bilateral (kedua-dua belah telinga).

"Pembedahan implan koklea bukan murah, harga alat implan sahaja mencecah RM75,000 dan kosnya melangkaui kemampuan tanggungan.

"Oleh itu, pendekatan yang diambil LSC harus dipuji kerana membantu dan mencari jalan untuk membiayai serta menyokong kos ditanggung keluarga yang menjalani implan koklea di sini," ujar beliau yang meluangkan masa selama satu jam bersama-sama keluarga pesakit.

Serentak itu, Afif turut menyeru agar lebih banyak pihak tampil membantu pihak hospital, sama ada hospital swasta mahupun hospital kerajaan yang menawarkan pembedahan implan koklea melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) atau sumbangan persendirian.

"Hal ini kerana mereka yang mengalami masalah pendengaran lebih teruk situasinya berbanding mereka yang mengalami masalah pertuturan," jelasnya.

# PBT turut hadapi kesan berantai GST Pusat - KM

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAGAN DALAM** - Pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini dijangka turut berdepan dengan kesan berantai jika Kerajaan Pusat masih berdegil untuk melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) mulai 1 April depan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kadar enam peratus GST sepatutnya tidak dikenakan ke atas Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kerana kedua-dua operasi PBT itu bukanlah berorientasikan perniagaan atau keuntungan.

Justeru, beliau berkata, kenaikan kos operasi PBT yang hakikatnya berpunca oleh pelaksanaan GST nanti akhirnya terpaksa ditanggung oleh rakyat terbanyak di negeri ini juga.

"PBT bukanlah organisasi perniagaan, namun, kita 'dipaksa' mengutip cukai dan bayar kepada pihak Kastam Diraja Malaysia (KDRM).

"MPSP secara kasar membelanjakan lebih RM1.76 juta apabila menjelangnya GST, tetapi, itu tidak termasuk kos perkhidmatan dan pengurusan.

"Jika ditambah (susulan pelaksanaan GST), ianya mungkin mencecah RM2 juta," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata demikian sejurus mengumumkan projek penarafan Bangunan Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi dengan membina satu lagi *Penang Science Cafe* (PSC) di sini.

Lanjutan itu, beliau turut menggesa rakyat supaya terus menyuarakan protes kepada Kerajaan Pusat berhubung pelaksanaan GST yang kononnya tidak akan membebankan individu yang tidak terlibat dengan aktiviti perniagaan.

"(Kadar) tempat letak kereta pun selepas ini mungkin naik, misalnya dari 40 sen setengah jam akan menjadi 42 sen.

"Di sini, terbukti dengan jelas jika makan gaji pun anda akan kena cukai GST, bukan peniaga sahaja.

"Dalam keadaan nilai Ringgit (Malaysia) yang lemah, saya amat berharap cukai GST ini dapat ditangguhkan untuk beberapa tahun lagi," tegas Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (kanan sekali) menjelaskan kepada tetamu yang hadir mengenai pelan pemajuan PSC pada majlis pengumuman projek berkaitan di sini baru-baru ini.

Pada perkembangan lain, Guan Eng turut menempelak Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang dilihat gagal menurunkan kadar tarif elektrik ketika syarikat terbabit direkodkan untung sebanyak 35 peratus ekoran suasana harga minyak mentah dunia kian menurun ketika ini.



BANGUNAN Dato' Haji Ahmad Badawi yang bakal menempatkan PSC.

Sebelum itu, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, kemungkinan kadar sewa lot-lot gerai dan pasar akan dinaikkan kelak disebabkan kesan berantai pada pelaksanaan GST.

"Banyak perkara akan terlibat, tetapi kita (MPSP) tidak boleh dedahkan sehingga laporan diluluskan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri," jelas beliau.

Tender pembinaan PSC di Dewan Haji Ahmad Badawi telahpun diiklankan sejak 28 Januari lalu sehingga 25 Februari lalu, manakala, kerja-kerja pemajuan dijangkakan bermula pada 30 Mac depan yang mengambil masa empat bulan.

Ia antaranya, menggantikan struktur kerangka bumbung, penyelenggaraan dewan dan bilik, membaiki penebat bunyi, mengecat semula, penyediaan bekalan air berasingan dan pendawaian elektrik baru untuk PSC yang berkeluasan 275.55 meter persegi, kerja-kerja pelebaran dewan besar seluas 270 meter persegi, dan pertambahan keluasan dewan besar seluas 297 meter persegi.

# Sedia rumah mampu milik untuk rakyat keutamaan KN - Exco

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menyediakan rumah mampu milik kepada warga Pulau Pinang termasuk bekerjasama dengan pihak pemaju swasta bagi memenuhi permintaan semasa.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, pihaknya kini bergerak aktif dan agresif dalam menyediakan rumah mampu milik termasuk melancarkan kempen pemilikan rumah melalui Program Mission Home Possible sejak tahun lalu.

"Tahun lalu, melalui Program Mission Home Possible, kita telah mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri menawarkan sejumlah 22, 545 unit rumah pelbagai kos meliputi 12 projek di lima daerah di Pulau Pinang.

"Tahun ini, sekali lagi kita akan mengadakan program sama di lima kawasan Parlimen bagi membolehkan orang ramai melihat sendiri unit yang ditawarkan dan membuat permohonan terus pada hari berkenaan," katanya pada sidang media sejurus selepas Sesi Pengundian dan Majlis Tandatangan Perjanjian Jual Beli Projek Perumahan Mampu Milik Ramah Pavillion di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik dan Pengarah Urusan M Summit Group yang merupakan pemaju projek, Datuk Albert Moh.

Tambah Jagdeep, penyediaan rumah mampu milik kini bukan sahaja menjadi keutamaan Kerajaan Negeri, tetapi juga menjadi pilihan kebanyakan pemaju perumahan.

Oleh demikian, beliau memberitahu, dalam memastikan jaminan kualiti tinggi, Kerajaan Negeri telah menetapkan garis panduan perumahan baru wajib dipatuhi pemaju swasta yang ingin melaksanakan projek rumah mampu milik di Pulau Pinang, antaranya melalui penetapan keluasan dan harga tawaran.

"Contoh pemaju swasta yang telah melaksanakan pematuhan garis panduan ini termasuklah *Aspen Group* melalui projek *Tri-Pinnacle*, projek *One Foresta* oleh *Ideal Property Group*, projek *Chelliah Park City* oleh Zubicon Sdn. Bhd. dan *M Summit Group* melalui projek Ramah Pavillion.

"Semua permohonan akan dihantar ke Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi tujuan tapisan dalam memastikan hanya pemohon yang benar-benar layak dapat memiliki rumah idaman mereka," jelasnya.

Orang ramai yang berminat untuk mengetahui lebih lanjut berkaitan projek perumahan mampu milik terkini atau ingin membuat permohonan, boleh hadir ke mana-mana Program Mission Home Possible seperti berikut:

**Parlimen Bukit Bendera:**
Tarikh / Hari: 21 Mac 2015 / Sabtu
Tempat: Plaza Gurney, Persiaran Gurney.

**Parlimen Bukit Gelugor:**
Tarikh / Hari: 11 April 2015 / Sabtu
Tempat: Pasaraya Tesco, Lebuh Tengku Kudin off Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

**Parlimen Batu Kawan dan Parlimen Nibong Tebal:**
Tarikh / Hari: 11 April 2015 / Sabtu
Tempat: Galeri Jualan PDC, Bandar Cassia.

**Parlimen Balik Pulau:**
Tarikh / Hari: 18 April 2015 / Sabtu
Tempat: Pasar Balik Pulau

**Parlimen Tasek Gelugor dan Parlimen Kepala Batas:**
Tarikh / Hari: 18 April 2015 / Sabtu
Tempat: Pasaraya Mydin Wholesale Hypermarket Bertam, Bandar Putra Bertam.



BEBERAPA pemohon mendapatkan penjelasan lanjut berhubung unit-unit perumahan mampu milik Ramah Pavillion pada Sesi Pengundian dan Majlis Tandatangan Perjanjian Jual Belinya di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, Jagdeep turut menegaskan bahawa pendaftaran bagi projek-projek perumahan di Pulau Pinang adalah percuma sama ada melalui Sistem Pendaftaran Rumah Secara Atas Talian di *https://erumah.penang.gov.my* mahupun secara manual iaitu melalui Borang Permohonan (PN1).

"Ya, dahulu kita kenakan caj sebanyak RM1 bagi setiap borang, sekarang permohonan adalah percuma. Walau bagaimanapun, permohonan adalah tertakluk kepada kelayakan pemohon," ujar Jagdeep.

# Rakyat nilai kemampuan kerajaan, bukan retorik pemimpin - KM

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



SALAH satu lokasi cadangan Kerajaan Negeri untuk projek pelebaran jalan pintas ke SJKC Kwang Hwa di sini.

**BAGAN JERMAL –** Agenda pembangunan infrastuktur yang dikehendaki rakyat di Pulau Pinang mesti mampu direalisasikan secara berperingkat, supaya Kerajaan Negeri hari ini tidak dilihat sebagai 'retorik' semata-mata semasa Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) nanti.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menggesa pemimpin Kerajaan Negeri di semua peringkat supaya menggandakan usaha demi memastikan mutu hidup rakyat terbanyak di negeri ini kian selesa.

"Kalau tak buat kerja dan hanya retorik kosong, akhirnya rakyat bukan sahaja boleh lihat dengan mata sendiri, malah akan tolak satu-satu kerjaaan yang tak mampu memerintah itu.

"Ini kerana, rakyat akan membuat keputusan (mengundi) berdasarkan kerja yang dibuat," tegasnya yang juga Ahli Parlimen Bagan kepada wartawan, selepas meninjau kawasan cadangan pemajuan berhampiran Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kwang Hwa di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap ADUN Bagan Jermal, Lim Hock Seng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Thanasekharan dan Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Sr. Rozali Mohamud.

Guan Eng berkata, sesebuah Kerajaan Negeri wajar lebih agresif dalam agenda memulihara semula infrastruktur asas negeri terutamanya pasca bencana banjir baru-baru ini, supaya terus mendapat mandat rakyat terbanyak pada pilihan raya umum akan datang.

"Macam di Pulau Pinang pun, kita pun dilanda ribut kencang baru-baru ini, dan Kerajaan Negeri dalam masa kurang 24 jam begitu agresif membaiki sistem perhubungan dan jalan-jalan utama serta menyalurkan bantuan bencana kerana kita (Kerajaan Negeri) takut rakyat, khususnya di (kawasan Parlimen) Balik Pulau mula melihat kita terlalu retorik sampai tak mampu selesai masalah rakyat dalam tempoh yang paling cepat.

"Macam tiga projek pelebaran jalan dan menaiktaraf jalan-jalan pintas serta jambatan berdekatan Taman Melor dan Jalan Mohd. Saad dalam Kawasan Parlimen Bagan yang diumumkan pada pagi ini pun, untuk membuktikan Kerajaan Negeri hari ini lebih mampu berbanding kerajaan yang dulu," jelas Guan Eng.

Difahamkan, Kerajaan Negeri bercadang untuk membina sebuah jambatan 20 kaki lebar dan 16 kaki panjang, yang dianggarkan menelan belanja RM60,000.

Dua projek lain adalah penarafan jalan-jalan pintas sepanjang 60 kaki dari Pangsapuri Melor ke Tingkat Melor serta pelebaran jalan belakang Taman Melor ke Jalan Mohd. Saad sepanjang 300 kaki.

"Anggaran kos bagi ketiga-tiga projek berkenaan adalah RM300,000 dengan tender terbuka kendalian MPSP, dan dijangka siap sebelum buka sekolah tahun depan," kata beliau.

# Konsert amal kumpul dana bantu ibu bapa tunggal

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**




**PHEE Bon Poh (kiri) sambil ditemani Tan Cheng Chee menunjukkan poster dan maklumat penganjuran Konsert Makan Malam Amal AFB pada sidang media di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN** – Penganjuran Konsert Makan Malam Amal oleh sebuah pertubuhan amal, *Adventist Food Bank* (AFB) dengan kerjasama Yayasan MyKasih diharap dapat mengumpulkan dana sejumlah RM150,000 bagi memperluaskan perkhidmatan kemasyarakatan pihak berkaitan di sini kelak.

Pengerusi Penganjur, Tan Cheng Chee berkata, dana tersebut bakal digunakan bagi membantu ibu bapa tunggal yang masih mempunyai anak-anak bersekolah dalam mengubah kehidupan masing-masing yang serba kekurangan.

"Ini adalah kali pertama kita (AFB) bekerjasama dengen MyKasih.

"Pada peringkat permulaan, dana yang dikumpul akan disasarkan kepada 100 ibu bapa tunggal terlebih dahulu.

"Mereka yang terpilih akan diperuntukan RM80 sebulan untuk berbelanja mengikut keperluan masing-masing di pasaraya terpilih dalam tempoh setahun," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Sehubungan itu, orang ramai atau organisasi yang berminat mengambil bahagian dalam penganjuran Konsert Makan Malam Amal yang bakal diadakan pada 12 Mac 2015 (Khamis) di Hotel Georgetown City (dikenali sebagai Hotel Berjaya sebelum ini) supaya menghubungi pihak penganjur pada talian, **012 - 470 9501** ( *tankhoonseng@pah.com.my*), **013 - 456 7890** (*cornelius@2u.com.my*) atau **012 - 429 1165** (*lohpm99@gmail.com*).

# Semua perlu terlibat proses rancang tapak UNESCO - KM




**KAUNTER yang dibuka di ruang legar Komtar.**

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri baru-baru ini melancarkan program publisiti bagi Pemeriksaan Pelan Panduan Perancangan dan Reka Bentuk Bagi Reruang Awam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, program publisiti tersebut adalah sebagai dokumen tambahan kepada Draf Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia UNESCO dalam usahanya memelihara, mencantikkan dan menaiktaraf tapak warisan dunia berkenaan.

Program diterajui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Pulau Pinang (JPBDPP) dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI), Think City Sdn. Bhd. (TCSB) dan *Aga Khan Trust for Culture* (AKTC) tersebut akan mengambil masa kira-kira tiga bulan sebelum ianya diwartakan.

"Panduan perancangan dan reka bentuk ini disediakan sebagai dokumen tambahan kepada Draf Rancangan Kawasan Khas yang mencadangkan rangka kerja gabungan dari aspek pemeliharaan dan pembangunan.

"Matlamat komponen pembangunan ini adalah mentransformasikan George Town sebagai satu hub kreativiti dan kebudayaan yang terulung di wilayah Asia Selatan dalam menarik pelaburan dan pelancongan berkualiti," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye.

Menurut Guan Eng, penyertaan awam dalam penyediaan draf tersebut membolehkan pihak awam terlibat bersama-sama dalam proses perancangan dan *decision making* bagi Tapak Warisan Dunia George Town.

"Semua pihak termasuk orang awam, penduduk dalam tapak warisan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persatuan dan pelajar boleh menyertai program seranta ini," ujar beliau.

Sehubungan itu, orang awam dijemput untuk mengemukakan cadangan dan pandangan mulai 2 Februari hingga 9 Mac 2015 (Isnin – Jumaat), jam 9 pagi – 4.30 petang di tiga kaunter yang ditempatkan di ruang legar Komtar (berhadapan kedai buku POPULAR), Bangunan GTWHI, Lebuh Acheh dan Dewan Bandaran, Padang Kota Lama ataupun emelkan kepada, *sapgtwhs@penang.gov.my*.



**WAKIL-wakil GTWHI, TCSB dan AKTC yang hadir pada majlis sidang media pengumuman program publisiti bagi Pemeriksaan Pelan Panduan Perancangan dan Reka Bentuk Bagi Reruang Awam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town di sini baru-baru ini.**

# Misi Bantuan Pasca Banjir Pantai Timur ZPP

**ZAKAT** Pulau Pinang (ZPP) membuka lembaran tahun baru 2015 dengan menyantuni mangsa banjir di Pantai Timur.

Misi Bantuan Pasca Banjir Pantai Timur dilancarkan pada 7 Januari 2015 yang lalu. Sekumpulan 10 orang kakitangan ZPP telah ditugaskan ke Kelantan bagi menjayakan misi berkenaan.

Dalam misi tersebut, bantuan berupa wang tunai, pakaian lengkap persekolahan dan juga makanan telah diagihkan.

Sejumlah RM400,000 turut diserahkan kepada kerajaan negeri Kelantan untuk diagihkan buat mangsa-mangsa banjir. Sumbangan tersebut telah diserahkan sendiri oleh Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Dato' Haji Mohd Salleh Man kepada Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Haji Ahmad Yakob dalam satu majlis yang diadakan di daerah Dabong, salah satu kawasan yang terjejas teruk akibat banjir.

Selain itu, sejumlah 10,000 pasang pakaian lengkap persekolahan Produk Usahawan Asnaf Zakat (PUAZ) turut diagihkan kepada pelajar di sekitar Kuala Krai dan Dabong.

Alhamdulillah, ini merupakan tanggungjawab sosial ZPP bagi membantu mereka yang dilanda musibah. Semoga Allah membantu dan meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa banjir.

Terima kasih pembayar zakat, zakat ditunai asnaf terbela.




**MOHD. Salleh Man (kiri) menyerahkan sumbangan kepada Menteri Besar Kelantan, Mohd. Yakob. (kanan).**




**KAKITANGAN yang bertugas menjayakan Misi Bantuan Pasca Banjir Pantai Timur.**



**AKTIVITI agihan pakaian seragam sekolah di Dabong.**




**KOTAK-kotak berisi pakaian lengkap persekolahan Produk Usahawan Asnaf Zakat (PUAZ) untuk diagihkan.**





**KEADAAN rumah mangsa banjir.**




**ZAKAT yang kita tunaikan sangat bermakna buat mereka.**

# GST akan membebankan NGO dan badan amal

Oleh: **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

**PELAKSANAAN** Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015 ini pasti mempunyai kesan yang besar ke atas ekonomi Malaysia, kerana pada dasarnya akan mengakibatkan peningkatan enam peratus cukai dalam semua sektor.

Walau bagaimanapun, sementara kesan ekonomi akibat GST ini telah dibincangkan secara meluas, tidak ramai yang menyedari kesan sosial GST, khususnya berkaitan dengan impaknya terhadap badan-badan amal dan sektor bukan bermotifkan keuntungan.

**Kerja amal juga dikenakan GST**

Kerja amal adalah satu usaha sosial yang secara lazimnya dijalankan oleh sukarelawan yang melakukan kerja-kerja yang sepatutnya dilakukan oleh pihak kerajaan. Dalam erti kata lain, keperluan kerja amal ini timbul akibat kekurangan atau kelemahan sistem kebajikan yang sedia ada. Oleh itu, aktiviti-aktiviti amal perlu disokong dan digalakkan oleh pihak berkuasa.

Sebaliknya, pelaksanaan cukai pengguna sejagat akan mewujudkan banyak halangan dan kerumitan kepada badan amal. Menurut buku Garis Panduan Pendaftaran Pertubuhan Atau Organisasi Yang Serupa oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, hampir semua aktiviti yang dijalankan oleh badan-badan kebajikan, organisasi bukan bermotifkan keuntungan serta badan bukan kerajaan – termasuk mereka yang kini menikmati status dikecualikan cukai – turut akan dikenakan GST.

**Sumbangan tunai**

Di bawah rejim GST, hanya sumbangan wang tunai "tanpa apa-apa manfaat" kepada penderma tidak dianggap sebagai suatu pembekalan bercukai, justeru tidak dirangkumi oleh GST. Namun begitu, sumbangan wang tunai adalah tertakluk kepada GST sekiranya ada "manfaat" kepada penderma, dengan manfaat ditakrifkan sebagai:

- mengiklankan nama atau produk penaja dalam buku program;
- menamakan acara itu atas nama penaja;
- memaparkan nama penaja pada baju yang dipakai oleh suatu pasukan (penerima).

Hal ini menimbulkan kebimbangan kerana amalan seumpama ini adalah kebiasaan di Malaysia, khususnya dalam kalangan penaja korporat yang secara lazimnya merupakan penyumbang terbesar badan-badan amal.

**Sumbangan bukan tunai**

-Sementara itu, sumbangan dalam bentuk barangan adalah tertakluk kepada kekangan lain. Bagi penajaan "tanpa manfaat" kepada penderma, hanya barang-barang yang tidak melebihi RM500 setahun dianggap sebagai "hadiah perniagaan" dan oleh itu dikecualikan daripada GST. Namun, jika barangan yang ditaja berjumlah lebih daripada RM500 setahun, ia akan dianggap sebagai bekalan dan diambil kira untuk GST.

Bagi sumbangan dalam bentuk barangan yang mendatangkan manfaat kepada penderma, seperti cawan kopi yang mempunyai logo korporat penderma, maka GST perlu diambil kira berdasarkan nilai pasaran terbuka bagi penyediaan ruang iklan.

**Acara mengumpul Dana**

Badan amal yang menganjurkan acara mengutip dana layak mendapat pelepasan daripada GST pada bekalan mereka. Walau bagaimanapun, pihak penganjur perlu bukan sahaja mengemukakan senarai bekalan yang akan digunakan dalam acara kutipan dana itu kepada Ketua Pengarah Kastam untuk kelulusan terlebih dahulu, tetapi juga menyimpan rekod-rekod atau akaun bekalan secara sepenuhnya. Ini bermakna kos operasi akan bertambah untuk penganjuran acara tersebut.

Tambahan pula, pelepasan cukai untuk acara mengumpul dana adalah terhad kepada hanya empat acara setahun. Kadar GST standard akan dikenakan untuk acara kelima dan seterusnya pada tahun yang sama. Di samping itu, pelepasan cukai juga tidak akan diberi jika acara ini dianjurkan oleh pengumpul dana profesional.

**Aktiviti-aktiviti lain**

Adalah kebiasaan bagi bagi badan amal dan pertubuhan bukan bermotifkan keuntungan untuk melibatkan diri dalam aktiviti lain untuk menambah pendapatan mereka bagi menampung perbelanjaan operasi. Walau bagaimanapun, semua perkhidmatan tersebut seperti sewaan dewan, jualan produk, dialisis atau rawatan perubatan lain, bengkel latihan, kerja terjemahan, dan penjualan ruang iklan akan dikenakan GST, walaupun kutipan digunakan sepenuhnya untuk tujuan amal.

**Kesan negatif terhadap kerja amal**

| Jenis aktiviti | Kadar GST |
|---|---|
| Derma tunai tanpa manfaat | Tiada GST |
| Derma tunai dengan manfaat | Dikenakan GST |
| Sumbangan bukan tunai tanpa manfaat | Tiada GST sehingga RM500 setahun. Jika lebih, akan dikenakan GST. |
| Sumbangan bukan tunai dengan manfaat | Dikenakan GST. |
| Acara mengumpul dana | Pelepasan GST terhad kepada empat acara setahun. GST dikenakan untuk acara kelima dan seterusnya |
| Keuntungan daripada sewa dewan, jualan barangan, bengkel latihan, ruang iklan, perkhidmatan ambulans dibayar dan lain-lain. | Dikenakan GST. |

Jadual: Ringkasan kadar GST untuk kerja amal

Dengan kekangan-kekangan yang dinyatakan tadi, kerja amal dan operasi badan-badan kebajikan pada dasarnya akan menjadi lebih mahal. Ini seterusnya bukan sahaja tidak menggalakkan sumbangan daripada pihak awam dan badan korporat, malah memburukkan lagi keadaan kesempitan wang sektor bukan bermotifkan keuntungan di Malaysia.

**Bukan sahaja tidak menyumbang, kerajaan mengambil pula daripada kerja amal**

Kebanyakan badan amal di Malaysia tidak menerima bantuan kerajaan dan dengan itu bergantung kepada sokongan daripada individu dan sektor korporat. Kerajaan sepatutnya meningkatkan bantuan mereka untuk sektor amal ini, namun dengan pelaksaan GST, kerajaan akan melakukan sebaliknya dengan mencukai derma dan kutipan untuk tujuan amal. Amalan songsang yang ironis ini akan mengurangkan nilai sebenar sumbangan.

**Kos perakaunan GST**

Jelas, GST akan mewujudkan beban tambahan ke atas sektor bukan bermotifkan keuntungan, khususnya NGO dan badan amal yang kecil. Bukan sahaja mereka akan mengalami masalah aliran tunai daripada pengurangan potensi sumbangan, mereka juga akan berhadapan kesukaran akibat peningkatan kos operasi hasil daripada keperluan untuk mengupah akauntan profesional bagi memproses perakaunan yang rumit bagi mengendali kredit cukai input dan output.



**ZAIRIL Khir Johari menolak kerusi roda seorang pemuda OKU dalam penganjuran program larian amal di Straits Quay, Parlimen Bukit Bendera.**

**Kos keseluruhan meningkat kerana GST**

Walaupun tanpa pelaksanaan GST, sumbangan dan derma dijangka merosot akibat prospek keadaan ekonomi yang suram, apatah lagi dengan impak GST ke atas ekonomi secara keseluruhannya. Oleh itu, kekangan ini hanya akan menambah sekatan, mewujudkan beban cukai bagi badan amal dan meningkatkan kos kerja amal.

**Peruntukan wakil rakyat akan dikurangkan sebanyak 6 peratus kerana GST**

Selain daripada semua yang dinyatakan di atas, GST juga memberi kesan terhadap peruntukan tahunan setiap wakil rakyat. Setiap tahun, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan peruntukan kepada wakil rakyat bagi manfaat kawasan mereka. Ahli Parlimen, sebagai contoh, diperuntukkan RM200,000 setahun, dengan RM80,000 untuk pelaksanaan projek berskala kecil seperti kerja-kerja infrastruktur kecil manakala baki RM120,000 diperuntukkan kepada pembelian bekalan yang kebanyakannya digunakan untuk membantu badan amal dan NGO yang beroperasi dalam kawasan.

Namun, dengan pengenalan GST, nilai sebenar peruntukan kawasan ini akan dikurangkan. Hal ini kerana sebarang bekalan yang diperoleh atau projek yang dilaksanakan akan dikenakan enam peratus kos tambahan dalam bentuk GST. Sebagai contoh, sekiranya seorang Ahli Parlimen bersetuju menaja bekalan berjumlah RM10,000 bagi aktiviti sebuah NGO dalam kawasan mereka, jumlah yang terpaksa dibayar adalah RM10,600 setelah pembekal mengenakan kos GST.

Gandakan ini kepada skala yang lebih besar dan kita akan mendapati bahawa peruntukan tahunan RM200,000 untuk dana kawasan tidak lagi akan disalurkan sepenuhnya kepada kerja-kerja kawasan kerana RM12,000 daripada jumlah itu akan dikutip oleh Kerajaan Persekutuan dalam bentuk GST.

Dalam erti kata lain, nilai sebenar peruntukan kawasan Ahli Parlimen Pulau Pinang akan dikurangkan daripada RM200,000 kepada RM188,000 sahaja setahun. Lebih banyak untuk Kerajaan Persekutuan, lebih kurang untuk rakyat.

**Cadangan penambahbaikan**
**Tangguhkan GST**

Memandangkan kesan negatif GST pada badan amal dan pertubuhan bukan bermotifkan keuntungan, kerajaan perlu segera mempertimbangkan untuk menangguhkan pelaksanaan GST sehingga ekonomi kita menjadi matang dan berpendapatan tinggi dengan struktur pembiayaan kerajaan yang baik untuk NGO dan badan amal.

**GST dikecualikan pada badan amal yang dikecualikan cukai**

Walau bagaimanapun, jika GST akan dilaksanakan juga, maka dicadangkan agar organisasi yang sedang menikmati status pengecualian cukai hendaklah, sebagai satu perkara prinsip, dikecualikan daripada GST.

**Mewujudkan kategori baru bagi pengecualian GST**

Memandangkan kurangnya sokongan kerajaan, badan amal tidak mampu menunggu secara pasif untuk mendapatkan derma. Sebaliknya, kebanyakan mereka akan melakukan aktiviti seperti "perniagaan," seperit menjual barangan dan perkhidmatan seperti sewa dewan bagi mengumpul dana untuk menampun operasi.

Pada masa yang sama, sesetengah badan amal sebenarnya menggunakan model subsidi silang di mana keuntungan yang diperolehi daripada aktiviti perniagaan digunakan untuk membiayai aktiviti yang kurang menguntungkan. Sebagai contoh, pusat dialisis boleh mengenakan kadar komersial kepada pesakit yang berkemampuan untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan.

Walaupun adalah penting untuk kerajaan memastikan tiada pencatutan yang berlaku disebalik kerja amal, badan amal yang tulen mesti dibantu dan tidak haris dibebani. Dalam hal ini, kerajaan perlu mempertimbangkan untuk mewujudkan beberapa kategori organisasi bukan bermotifkan keuntungan atau badan amal yang dikecualikan daripada GST sama sekali.

**Meningkatkan nilai ambang untuk badan amal kepada RM2 juta**

Pun begitu, jika kerajaan tidak mampu untuk mengecualikan badan amal daripada GST atas apa jua sebab, maka kerajaan perlu meningkatkan nilai ambang bagi badan amal dan bukan bermotifkan keuntungan yang dikecualikan GST kepada sekurang-kurangnya RM2 juta daripada RM500,000 kini. Tindakan ini akan membantu untuk melegakan badan amal yang kecil daripada beberapa kesan negatif yang dibincangkan di atas.

**Kerajaan harus menyokong kerja amal**

Daripada mencari jalan untuk mengambil wang daripada badan amal, kerajaan digesa untuk meningkatkan pembiayaan dan sokongan bagi sektor kebajikan bukan bermotifkan keuntungan. Selain itu, kerajaan juga tidak seharusnya menganggap badan amal sebagai perniagaan, khususnya dalam hal ehwal cukai.

Malah di negara maju seperti Australia, di mana terdapat pembiayaan kerajaan yang ketara untuk badan amal dan bukan bermotifkan keuntungan, laporan oleh Australia Institute pada tahun 2000 mendapati bahawa "badan amal akan mengalami impak negatif daripada GST." Kita hanya boleh membayangkan kesan teruk yang akan berlaku di Malaysia.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| AIR PUTIH<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| PANTAI JEREJAK<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| PADANG KOTA<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| BATU MAUNG<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| BAGAN JERMAL<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| BATU LANCHANG<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| SUNGAI PUYU<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| PADANG LALANG<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| DATO' KERAMAT<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| SEBERANG JAYA<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| BUKIT TAMBUN<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| AIR ITAM<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| BERAPIT<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| MACHANG BUBOK<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| TANJONG BUNGAH<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| JAWI<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| PENGKALAN KOTA<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| BAGAN DALAM<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| KEBUN BUNGA<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| SUNGAI BAKAP<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| KOMTAR<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| PAYA TERUBONG<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| PULAU TIKUS<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| PERMATANG PASIR<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| BUKIT TENGAH<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbktengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| PENANTI<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| SUNGAI PINANG<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| BATU UBAN<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| SERI DELIMA<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| DAP PENANG HQ<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| PAS PENANG HQ | (T) 04 - 575 5584 |
| PKR PENANG HQ | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| BERTAM<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| PINANG TUNGGAL<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| PERMATANG BERANGAN<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| SUNGAI DUA<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| TELOK AIR TAWAR<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| SUNGAI ACHEH<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| BAYAN LEPAS<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| PULAU BETONG<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| TELUK BAHANG<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>Ridwan Osman<br>ridwan_wan48@yahoo.com | 013-499 5068 |
| BERTAM<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| PINANG TUNGGAL<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| PERMATANG BERANGAN<br>Arshad Md. Salleh<br>arshad.salleh@yahoo.com | 019-510 2633 |
| SUNGAI DUA<br>Zahadi Mohd.<br>zahadi55@yahoo.com | 019-507 3828 |
| TELOK AIR TAWAR<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| SUNGAI ACHEH<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| BAYAN LEPAS<br>Jamaludin Said<br>udinmtd@gmail.com | 019-413 0799 |
| PULAU BETONG<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| TELUK BAHANG<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS & AMBULANS | 999 |
| BOMBA | 994 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| PENYELAMAT | 991 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | 011-1060 8823 | Shukri |
| N2 | Bertam | 019 - 593 3736 | Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | 019 - 556 4664 | R.M. Reza |
| N5 | Sungai Dua | 013 - 595 6865 | Rosli Man |
| N6 | Telok Air Tawar | 013 - 598 1435 | Raudzey Razali |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | Kamal<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 399 6689 | Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 010 - 929 6603 | Ariff Baseri |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | Tina<br>Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | Benji Ang<br>Razin |
| N29 | Datok Keramat | 017 - 480 7417<br>04 - 226 2464 | Varinder<br>Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | Toon Hoon Lee<br>Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | Amirulzaman<br>Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | 016 - 599 2918 | Saifullizan |
| N39 | Pulau Betong | 012 - 422 4935 | Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | 017-413 5695 | Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Loh Joo Huat | 012 - 422 1133 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Tiagarajen A/L Annamalai | 010 - 387 9305 |
| Ong Eu Leong | 010 - 770 0508 |
| Ho Leng Hong | 017 - 487 2767 |
| Shafiqah Shobha Abdullah | 016 - 496 1659 |
| Mohd. Rizal Abd. Hamid | 012 - 424 3878 |
| Rajasegar a/l Govindasamy | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim | 018 - 576 1622 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115<br>019 - 493 6161 |
| Amir Md. Ghazali | 013 - 584 8386 |
| Mohd. Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Omar Hassan | 019 - 571 8031 |
| Dahalan Fazil | 019 - 727 4388 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPPP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Sukumar a/l Subramaniam | 019 - 442 2113 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Prof. Tan Kim Hooi | 016 - 438 7855 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Lim Boon Beng | 012 - 564 4400 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam | 014 - 945 9621 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016-417 1331 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Yacoob Omar | 013 - 420 3611 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Sha'ari Md. Salleh | 013 - 788 7786 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |

**SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA**

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
MARK JAMES

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar,
10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang 2015





AKSI Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim menyediakan sajian khas sebagai menyempurnakan gimik pelancaran Majlis Perasmian 6th Penang International Halal Expo.



AHLI Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari mendukung anaknya ketika hadir pada Majlis Pelancaran Perkhidmatan Mencuci Basikal Percuma di Astaka Taman Botani.



SALAH seorang peserta menunjukkan kebolehan menghasilkan karektor wayang kulit pada Majlis Pelancaran Buku Pemerdagangan Tradisional di Pulau Pinang.







Tuan Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas sambil ditemani Ketua Menteri pada Majlis Makan Malam Gala The World Curry sempena penganjuran *6th Penang International Halal Expo.*



LENSA Buletin Mutiara sempat merakam aksi dua atlet cilik sukan silat pada program Roadshow Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang 2015.



PARA kakitangan am MPPP bertungkus-lumus memasukkan sampah-sarap ke dalam trak sampah pada Program Gotong-royong Perdana Cegah Denggi di Little India.



KETUA Menteri bergambar kenangan dengan barisan pemain Bola Sepak Pulau Pinang yang memperagakan jersi baru pasukan.



PARA penganut agama Hindu beristirahat di Kuil Sri Meenakshi Sundraeswar selepas selesai bersembahyang sempena sambutan Thaipusam.

# Jadikan Pulau Pinang yang lebih baik untuk wanita suatu kenyataan

Mesej Hari Wanita Antarabangsa 2015 daripada Yang Berhormat Chong Eng, EXCO Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti dan Pengerusi Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).



TASKA D'KOMTAR yang dilancarkan oleh Ketua Menteri menawarkan perkhidmatan asuhan kanak-kanak tempat kerja untuk pekerja kerajaan di KOMTAR.

**PADA** 8hb Mac ini, Hari Wanita Antarabangsa (*International Women's Day* - IWD) akan disambut di seluruh dunia. IWD yang dirayakan semenjak awal 1900-an merupakan suatu hari dimana pelbagai perjuangan dan pencapaian wanita diiktiraf dan diraikan.

Tema IWD tahun ini adalah *"Make It Happen"* atau Jadijkan ia Suatu Kenyataan, dan ianya sejajar dengan misi Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC ) untuk 2015. Tahun ini, PWDC ingin **JADIKAN PULAU PINANG YANG LEBIH BAIK UNTUK WANITA SUATU KENYATAAN.**

Bermula penubuhan pada tahun 2011, PWDC bekerja ke arah mentranformasi masyarakat Pulau Pinang kepada satu masyarakat yang maju dan progresif . Kami menggalakkan kesaksamaan dikalangan semua wanita dan lelaki, kanak-kanak perempuan dan lelaki tanpa mengira kaum, agama, jantina atau latar belakang sosioekonomi.

Kami percaya bahawa rakyat Pulau Pinang merupakan kapital yang paling berharga di negeri ini dan kaum wanita jua boleh menyumbang kepada pembangunan negeri sepertimana kaum lelaki. Sebagai warga masyarakat Pulau Pinang, kaum wanita perlu diberi peluang, hak dan kebebasan setara bagi membangunkan potensi mereka sebagai warganegara serta menyumbang untuk mencapai visi dan aspirasi negara kita.

Untuk merialisasikan Pulau Pinang tempat yang lebih baik bagi wanita, PWDC mengenalpasti tiga aspek kehidupan wanita yang perlu disokong. Tiga aspek, atau IT yang menjadi fokus adalah politik, pekerjaan dan keluarga.

### WANITA DALAM POLITIK

Menurut laporan *Global Gender Gap Report 2014* oleh Forum Economic Dunia, Indeks Pemerkasaan Politik untuk Wanita di Malaysia berada di tempat 132 daripada 142 negara yang dikaji. Antara kriteria yang dipertimbangkan dalam kajian ini adalah jumlah wanita di Parlimen dan wanita yang memegang jawatan menteri.

Satu langkah bagi mewujudkan peluang lebih ramai wakil wanita dalam kerajaan adalah dengan menetapkan kuota minima 30 peratus bagi wanita disemua peringkat kerajaan, iaitu di Parlimen, Dewan Undangan Negeri dan Majlis Kerajaan Tempatan. Kuota mimina 30 peratus ini juga perlu ditetapkan untuk peringkat kepimpinan parti-parti politik.

Untuk memperkasakan wanita, kami memerlukan perwakilan dalam sistem pemerintahan. Lebih ramai wanita sebagai ahli parlimen dan menteri, maka lebihlah perwakilan suara wanita dalam kerajaan. Dengan cara ini, dasar yang mencerminkan keperluan dan kepentingan wanita boleh dirumus dan dilaksanakan.

### WANITA DI TEMPAT KERJA

Salah satu tumpuan penting PWDC adalah meningkatkan penyertaan dan kepimpinan wanita di tempat kerja. Kami menyedari betapa pentingnya potensi dan sumbangan wanita untuk pembangunan sosial negara dan kesejagatan, oleh itu kami telah mewujudkan siri bengkel kepimpinan, *Lean In* @ Pulau Pinang.



CHONG Eng bersama dengan Penasihat Undang-Undang Negeri Dato' Aliza Sulaiman, CEO PWDC Aloyah Bakar dan Pengarah PWDC Dr Cecilia Ng di Dewan Undangan Negeri tahun lepas.

Siri bengkel kepimpinan ini telah melatih hampir 250 peserta yang dirangkumi oleh wanita berkerja serta pemimpin-pemimpin korporat Pulau Pinang. Bengkel ini memberi peluang untuk kaum wanita lebih selesa di tempat kerja dan berdaya maju. Ianya penting untuk para majikan, pengurus dan pekerja mengenalpasti serta mengatasi tindakan yang boleh mendiskriminasi wanita.

Melalui bengkel Lean In @ Pulau Pinang ini juga kami melengkapkan peserta dengan kesedaran dan pemahaman yang gender sensitif. Dengan latihan ini, mereka mampu mengenal pasti dan mengatasi rintangan diskriminasi gender yang dihadapi oleh wanita. Tahun 2015 ini, kami menyasarkan untuk membawa Lean In @ Pulau Pinang kepada lebih banyak pertubuhan sektor awam dan koporat di Pulau Pinang.




CHONG Eng mengalakkan peserta wanita di *Lean In* @ Penang.

### WANITA DALAM KELUARGA

Salah satu peranan kaum wanita yang paling meletihkan adalah tanggungjawab sebagai ibu. Para ibu bertungkus-lumus setiap hari bukan sahaja untuk menjaga anak-anak tetapi juga memastikan keperluan kesemua ahli keluarga mereka dipenuhi. Apatah lagi, ramai wanita terpaksa menimbang kerja penuh masa dan keluarga mereka.

Sebagai juara hak wanita, PWDC menggalakkan para majikan menawarkan waktu kerja fleksibel dan memupuk suasana tempat kerja yang mesra keluarga. Kami juga menyokong penyediaan kemudahan asuhan kanak-kanak di tempat kerja bagi membantu ibu-ibu yang bekerja mengimbangkan kerjaya dan penjagaan anak mereka.

Kami juga menggalakkan para lelaki memainkan peranan yang lebih aktif di rumah serta berkongsi tanggungjawab menjaga anak-anak dan keluarga bersama dengan pasangan mereka. Bagi IWD ini, kami menyeru para suami *"lean in"* di rumah dan membantu membesarkan anak-anak serta berganding bahu bersama isteri bagi menjadi model yang terbaik kepada anak-anak

Dengan misi PWDC untuk merapatkan jurang perbezaan gender antara lelaki dan wanita dalam sektor ekonomi, awam, politik dan pentadbiran, kami menyeru anda, rakyat Pulau Pinang untuk membantu kami JADIJKAN PULAU PINANG YANG LEBIH BAIK UNTUK WANITA SUATU KENYATAAN!

# SILANG KATA
## Sejarah Pulau Pinang

**Tarikh Tutup Peraduan :**
**30 Jun 2015**




Melintang :

1. Negeri yang berkait rapat dengan sejarah Pulau Pinang.
3. Roda tiga.
5. Kapten yang dikenali sebagai pengasas Pulau Pinang.
8. Bersama-sama Pulau Pinang dan Singapura menjadi kawasan penempatan selat.
10. Wilayah
12. Ibu negeri Pulau Pinang.
13. Pusat pentadbiran Kerajaan Negeri.

Menegak :

2. Tempat persinggahan kapal dari luar.
4. Raja buah.
6. Rojak.
7. Pengangkutan air.
9. Kedudukan pulau di permulaan ________________.
11. Makanan popular di Pulau Pinang.
14. Acara tahunan pada penghujung tahun.

**Lengkapkan slogan dibawah :**

*Saya inginkan sebuah Pulau Pinang yang* ..............................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

.........................................................................................................................

*(tidak melebihi 30 patah perkataan)*

Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________________________________

No. Kad Pengenalan: ____________________________________

Alamat: ___________________________________________

_________________________________________________

_________________________________________________

No. Telefon : (Rumah) ______________ (Bimbit) : ______________

Emel: ____________________________________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Teka silang kata : Peraduan dibuka dari 1 Februari 2015 hingga 30 Jun 2015.
2. Peraduan terbuka kepada semua.
3. Lengkapkan silang kata di atas dan slogan.
4. Slogan adalah tidak melebihi 30 patah perkataan.
5. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
6. Peserta boleh menghantar SATU penyertaan sahaja.
7. Hanya penyertaan lengkap bakal diadili.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Keputusan pengadil adalah muktamad.
10. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04 - 650 5564 / 5256 / 5704.
11. Alamatkan semua borang penyertaan kepada :
    Buletin Mutiara, Peraduan Silang Kata - Sejarah Pulau Pinang,
    Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiah Utama : RM 500**


# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 9701
Peminjam : SUHANA BINTI MOHAMAD RAZAK - 80041907****
2426 LENGKOK SG. GELUGOR 2, JALAN ISMAIL NAGORE 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NOORAINI BINTI MOHAMAD RAZAK - 71032407****
2426 LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, JALAN ISMAIL NAGORE, GELUGOR
11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NOORHISHAM BIN MOHAMAD RAZAK - 74010807****
2426 LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, JALAN ISMAIL NAGORE, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

No Akaun : 9760
Peminjam : TAN SWEE GUAN - 80011807****
18-10-2 TINGKAT PAYA TERUBONG 2,
11060 PULAU PINANG
Penjamin 1 : TAN SHIAU LAN - 78071907****
18-10-2 TINGKAT PAYA TERUBONG 2,
11060 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM CHOON LENG - 74061407****
8-21-06 SRI KRISTAL, LENGKOK ANGSANA,
BANDAR BARU 11500 AYER ITAM,
PULAU PINANG

No Akaun : 9763
Peminjam : LIM WEI ENG - 80121807****
NO.48 JALAN KHAW SIM BEE
10400 PULAU PINANG
Penjamin 1 : GOH EWE SEE – (MENINGGAL DUNIA)
NO.22 PERSIARAN MIDLANDS
10250 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM GUAT POH - 57042707****
NO. 75 LEBUH CAMPBELL
10100 PULAU PINANG

No Akaun : 9770
Peminjam : TEOH CHUEN KEAT - 83040307****
75-13-07 SRI WANGSA 1, JALAN PENAWAR 1,
11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LEE HOOY CHEOW - 73111507****
NO.46-4-20 JALAN BESI,
CANGKAT GREENLANE
11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : TEOH CHUEN LYE - 62082107****
114-E JALAN FREE SCHOOL
11600 PULAU PINANG

No Akaun : 9776
Peminjam : SITI SABRINA BINTI ABDUL HAMID - 83080707****
281F MK 18 TANJUNG TOKONG
10470 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD ARIS BIN OTHMAN - 58021907****
208-A JELUTONG TIMUR
11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : YAHAYA BIN HASHIM - 66010207****
16 JALAN MAQBUL, SUNGAI PINANG
10150 PULAU PINANG

No Akaun : 9779
Peminjam : NOOR HIDAYATI BINTI HASHIN - 80062907****
10 LORONG DESA KUALA MUDA 10, TAMAN DESA KUALA MUDA 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : SHAHRUL ANUAR BIN HASHIN - 64071607****
NO.11 LORONG 5, TAMAN SUTERA
08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : SHAHRUL AZHAR BIN HASHIN - 66080507****
NO. 49 JALAN 2/3, TAMAN SUTERA JAYA,
SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

No Akaun : 9786
Peminjam : CHEW BOON SAN - 81070207****
NO.570 MUKIM 4, AIR PUTIH
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : LEOW KHEOW CHIN - 58050507****
BLOK 1-6-4 PAYA TERUBONG,
WAYTON FLATS, AYER ITAM
11060 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHEW BOON HUOY - 82072807****
NO.570 MUKIM 4, AIR PUTIH,
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 9804
Peminjam : NUR HIDAYAH BINTI AZEMI - 80012107****
AE-2-8 TAMAN TUN SARDON, GELUGOR
11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : WAN SHAHROM BINTI PAWANTEH - 67040807****
AQ-1-1 TAMAN TUN SARDON
11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : IRWAN BIN ABDULLAH - 80060107****
AE-2-8 TAMAN TUN SARDON,
11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 9809
Peminjam : AFIFUDDIN BIN MD ISHAK - 85120407****
17 LORONG BERTAM INDAH 4/8,
TAMAN BERTAM INDAH
13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MD ISHAK BIN OMAR - 48070307****
NO.17 LORONG BERTAM INDAH 4/8,
13200 KEPALA BATAS,
SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : IZUDDIN BIN MD ISHAK - 76121708****
NO. 77 LORONG SYAHBANDAR 8,
BERTAM PERDANA 13200 KEPALA BATAS, SPS

No Akaun : 9822
Peminjam : TAN PIN YAN - 83070407****
NO.1 TINGKAT RUSA ENAM,
TAMAN SELAMAT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : YEOH KOK HUAT - 53072107****
61 LORONG PERMAI 5, KOTA PERMAI,
14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TAN JEE PENG - 49090971****
NO.29 LENGKOK INDAH
14000 BUKIT MERTAJAM,
SEBERANG PERAI TENGAH

No Akaun : 9824
Peminjam : NOOR WAHIDA BINTI SAMAT - 82112207****
6292 PERMATANG KERIANG
13110 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : NORISYAH BINTI SAMAT - 73031607****
21 LORONG PENAGA 5,
TAMAN PENAGA, 13110 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : NORELA BINTI SAMAT - 79091107****
6292 PERMATANG KERIANG
13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 9825
Peminjam : MOHD IKHWAN BIN MOHAMMAD SALEH - 85021407****
NO.16 TAMAN SEROJA 2, JALAN BUKIT MERTAJAM 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 1 : ZAITON BINTI SULAIMAN - 57120702****
16 TAMAN SEROJA 2,
JALAN BUKIT MERTAJAM 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : ZAMRI BIN SULAIMAN - 73050402****
NO. 23 LINTANG PAUH INDAH 2, TAMAN PAUH INDAH 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 9654
Peminjam : AINI AZLIN BINTI KHAZALI - 82012807****
BLOK AKF 7-3 KUARTERS KASTAM, BUKIT GELUGOR, KAMPUNG KASTAM
11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KHAZALI BIN TAIB - 56030409****
BLOK AKF 7-3 KUARTERS KASTAM, BUKIT GELUGOR, KAMPUNG KASTAM
11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RUSLAN BIN KASIRAN - 74021907****
BLOK AKG 3-1 KUARTERS KASTAM , BUKIT GELUGOR, KAMPUNG KASTAM
11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 9805
Peminjam : ZAHARA BINTI ISMAIL - 75111607****
5-10-09 JALAN BATU UBAN 3, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL MALIK BIN CHE ROSE – (MENINGGAL DUNIA)
PUSAT PENGAJIAN SAINS FARMASI, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
11800 MINDEN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMAD FAIZAL BIN ISMAIL - 75082507****
NO. 45 LORONG PERMATANG PASIR 1, TAMAN MANGGIS INDAH, BALIK PULAU
11000 PULAU PINANG

# Haemonetics AS labur RM150 juta, bawa 800 peluang kerja

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TAMBUN –** Selepas melabur RM150 juta untuk membina industri Haemonetics di Kawasan Perindustrian Batu Kawan di sini, syarikat pengurusan darah dan pembuat peranti perubatan berpengkalan di Amerika Syarikat itu turut mengumumkan rancangan melabur RM50 juta lagi dalam tempoh dua tahun akan datang di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya berkata, kehadiran Haemonetics bukan sahaja membuka sehingga 800 peluang pekerjaan mahir dalam tempoh tiga tahun ini, bahkan, menjadikan Pulau Pinang sebagai satu-satunya hub pengurusan darah sedunia secara sistematik di rantau Asia Tenggara ini.

"Peluang pekerjaan yang lebih cerah, terutamanya bagi kerjaya yang berasaskan pada pengetahuan di Pulau Pinang

"Pembukaan kilang Haemonetics pada hari ini membuktikan satu lagi kejayaan Pulau Pinang yang semakin maju, serta mengesahkan komitmen jangkamasa panjang mereka (Haemometics) ke Malaysia," ucapnya pada Majlis Pelancaran Pembukaan Kilang Haemonetics di sini baru-baru ini.

Presiden merangkap Ketua Pengarah Eksekutif Perbadanan Haemonetics, Brian Concannon dan Naib Presiden Eksekutifnya, Kent Davies turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Dato' Law Choo Kiang, Datuk Lee Kah Choon (Penasihat Khas kepada Ketua Menteri), Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, PDC), Loo Lee Lian (Pengurus Besar investPenang), wakil Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Alan Ng (Pengurus Besar Pasukan Operasi Malaysia Haemonatics).

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam berkata, kepercayaan Kerajaan Negeri dalam mengamalkan tender terbuka, mewujudkan persekitaran ekonomi berdaya saing, pemajuan infrastruktur sistem pengangkutan yang mudah dan maju, serta pembinaan tenaga kerja berbakat lagi mahir akhirnya seakan menjadikan Pulau Pinang terus dilihat sebagai destinasi pelaburan pilihan asing di rantau ini.

Sebelum itu, Concannon berkata, pembukaan kilang Haemonetics di Pulau Pinang sebenarnya adalah untuk menampung keperluan perkhidmatan pengurusan darah sistemmatik serta pembekalan untuk rantau Asia Tenggara.

"Dengan ibu pejabat komersial Asia Pasifik di Shanghai (China), dan ibu pejabat edaran kami di Hong Kong, kami menyedari bahawa kemudahan pembuatan dan pengedaran (untuk) rantau Asia Pasifik di sini (Pulau Pinang) akan mempercepatkan pengembangan pangkalan pelanggan kami.

"Kami telah memilih Pulau Pinang untuk pembinaan kemudahan (kilang Haemonetics) kami kerana ia (Kerajaan Negeri) menawarkan kawasan terdekat yang diperlukan Haemonetics untuk mengukuhkan tapak sokongan kepada pelanggan-pelanggan kami.

"Yang lebih penting, terlalu banyak kelebihan dan kemudahan ditawarkan di Pulau Pinang," ujar beliau dalam ucapannya.



LAW Choo Kiang (dua dari kiri) mencermati salah satu peranti berkaitan pengurusan darah pada Majlis Pelancaran Pembukaan Kilang Haemonetics di sini baru-baru ini.

Concannon memberitahu, seramai 250 pekerja mahir diperlukan untuk tahun pertama ini di kilang tersebut dan 25 jurutera berpengalaman telahpun bekerja dengan Haemonetics kini.

"Kami (Haemonetics) akan mengeluarkan sekali peranti pakai buang di sini (Pulau Pinang), untuk digunakan dalam pengumpulan dan pemindahan darah serta produk (berkaitan pengurusan) darah dan peralatan-peralatan penting untuk memberi khidmat perubatan transfusi di peringkat global.

"Pada peringkat awal, kami akan mengeluarkan 4,500 unit (peranti) boleh guna tiap-tiap hari dan (angka produktiviti) kami dijangkakan berkembang kepada 17,500 unit setiap hari selepas setahun ini," jelas beliau.

# Marvell rancang tambah pelaburan lebih RM12 juta setahun

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



(Dari kiri), TONY Uranga, Tony Wang, Ketua Menteri dan Ong Chin Hu merakam gambar bersama-sama sejurus selepas Majlis Pelancaran Pusat Reka Bentuk Marvell Baharu di sini baru-baru ini.

**BAYAN LEPAS –** Marvell Semiconductor Sdn. Bhd. (Marvell) berhasrat menambah pelaburannya sehingga melebihi RM12 juta setahun bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Pusat Reka Bentuk Marvell baharu di Fasa IV, Bayan Lepas Technoplex di sini.

Perkara itu dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapan perasmian Pusat Reka Bentuk Marvell yang baharu baru-baru ini.

"Sebelum ini, Marvell telahpun melabur kira-kira RM8 juta bagi tujuan pembangunan pusat ini termasuk pembelian perkakasan baru.

"Dengan nilai pelaburan baru disuarakan Marvell, ia akan melibatkan pembangunan rangkaian R&D, pembangunan modal insan dan penambahan pekerja di pusat ini.

"Malah, pusat berkenaan bukan sahaja menyediakan kemudahan dan persekitaran kerja lebih baik, tetapi juga dapat membangunkan modal insan berkemahiran tinggi untuk menghasilkan teknologi bertaraf dunia pada masa hadapan," kata pada majlis berkaitan.

Turut hadir, Pengarah Marvell, Ong Chin Hu, Pengarah Jurutera mewakili Ibu Pejabat Marvell Technology Group Limited, Tony Wang dan Pengarah Reka Bentuk, Tony Uranga.

Selain itu, Guan Eng turut menyatakan keyakinan unjuran ke atas industri semikonduktor bagi tahun ini adalah positif didorong oleh penggunaan elektronik dan pertambahan prestasi industri sungguhpun ia bergantung kepada perkembangan ekonomi dunia.

"Pulau Pinang telah melalui dua fasa transformasi iaitu pertumbuhan ekonomi berasaskan Zon Perdagangan Bebas sekitar tahun 1970-an dan percambahan kelompok industri seperti elektronik dan elektrik, semikonduktor dan perusahaan kecil dan sederhana antara 1980 ke 1990-an.

"Kini, Pulau Pinang sekali lagi melonjak ke aras transformasi baru dalam rantaian nilai dengan memberi tumpuan terhadap industri yang mempunyai nilai tambah tinggi, multimedia kreatif, perkhidmatan penyumberan luar dan perkhidmatan perkongsian," ujarnya.

Dalam pada itu, Chin Hu memberitahu bahawa setelah lapan tahun beroperasi di Pulau Pinang, Marvell yakin pihaknya kini di landasan yang tepat terutama dalam melahirkan pekerja berkemahiran tinggi.

"Kami yakin selain mahir dalam penghasilan produk mudah alih tanpa wayar, Marvell mampu juga menghasilkan produk mesra pengguna, mesra alam dan berkualiti tinggi," jelas beliau.

Marvell Technology Group Limited adalah sebuah kilang pengeluar yang menerajui produk penyelesaian storan tinggi, alat komunikasi dan peranti tanpa wayar mudah alih serta semikonduktor dengan jumlah pengeksportan melebihi satu bilion litar bersepadu setahun.

Ia ditubuhkan pada tahun 1995 dan mempunyai kira-kira 7,000 pekerja serata dunia. Beribu pejabat di Santa Clara, California, Amerika Syarikat, ia turut mengendalikan pusat-pusat reka bentuk di beberapa buah negara seperti di Kanada, Eropah, China, India, Jepun, Singapura, Taiwan dan Hong Kong.

# Kunjungan Pesuruhjaya Tinggi British, erat hubungan dua hala

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



KETUA Menteri bergambar kenangan dengan Vicki Treadell (tengah) sambil ditemani Abdul Malik Abul Kassim pada kunjungan rasmi beliau di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menerima kunjungan rasmi Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, Vicki Treadell di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Treadell yang tiba di Pulau Pinang bagi menghadiri penganjuran *Penang International Halal Expo & Conference* (PIHEC) 2015 dan Festival Kari Sedunia di sini meluangkan masa selama 45 minit bertemu dengan Guan Eng.

Beliau yang dilahirkan di Ipoh, Perak mula berkhidmat di negara ini pada 21 Oktober tahun lepas dan meluahkan rasa gembira kerana dapat kembali ke Malaysia.

Dalam pertemuan tersebut, antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai sejarah warisan peninggalan British di negeri ini dan sektor pelancongan antara dua pihak.

Turut serta, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

# Basuh basikal percuma, inisiatif sokong polisi bandar hijau

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **MARK JAMES**

**KEBUN BUNGA –** Demi menjadikan basikal sebagai mod pengangkutan di Pulau Pinang, perkhidmatan mencuci basikal secara percuma di *Botanic Garden Pavilion* dalam kawasan Parlimen Bukit Bendera disediakan kini.

Daripada tinjauan sebelum ini, Ahli Parlimennya, Zairil Khir Johari berkata, lebih 50 penunggang yang menggunakan trek berbukit tiap-tiap minggu di sini boleh mengambil kesempatan berkaitan bagi membersihkan basikal masing-masing secara percuma.

"Ini adalah inisiatif permulaan yang baik, para penunggang yang melalui trek berlumpur dapat menggunakan kemudahan mencuci basikal di sini.

"Kemudahan perlu cukup untuk membolehkan orang ramai menggunakan basikal sebagai mod pengangkutan," ujarnya pada Majlis Pelancaran Perkhidmatan Mencuci Basikal Secara Percuma di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Chris Lee Chun Kit.

Perkhidmatan Mencuci Basikal Secara Percuma merupakan projek bersama Pejabat Ahli Parlimen Bukit Bendera dan Jabatan Botani Pulau Pinang.

Menurut Zairil, Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada Mei ini dijadualkan melancarkan projek perkongsian basikal dengan menyediakan 25 stesen berwajib di seluruh George Town.

"Orang ramai boleh menyewa basikal pada kadar minimum," ujarnya sambil menyeru warga negeri untuk menyokong polisi 'bandar hijau' tersebut.



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) beramah-mesra dengan sekumpulan pengayuh basikal pada Majlis Pelancaran Perkhidmatan Mencuci Basikal Secara Percuma di sini baru-baru ini.




## Naiktaraf lokasi daki Bukit Jambul tambah pengunjung

Gambar : **DANNY OOI**



PARA pendaki cuba menggunakan alat senaman yang disediakan di Bukit Jambul sempena Majlis Perasmian Gazebo dan Trek Mendaki di sini baru-baru ini.

**BATU UBAN –** Kerja-kerja menaiktaraf lokasi pendakian popular Bukit Jambul sejak April tahun lalu kini telah siap sepenuhnya di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) memperuntukkan RM270,000 bagi pelaksanaan projek berkaitan yang dilengkapkan dengan pelbagai kemudahan demi keselesaan para pendaki.

Beliau memberitahu, penaiktarafan tersebut difikirkan perlu ekoran lokasi tersebut merupakan destinasi dakian popular di Pulau Pinang terutamanya untuk peminat-peminat aktiviti kecerdasan termasuk pelancong asing.

"Kawasan dakian ini telah dinaiktaraf dan diperindahkan untuk menarik lebih ramai pengunjung.

"Saya percaya, lebih ramai pendaki akan memilih untuk datang ke sini dengan kemudahan baru yang ada.

"Ini adalah sejajar dengan strategi menggalakkan kehidupan lebih sihat dalam kalangan masyarakat di sini.

"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) komited menyokong dan memupuk aktiviti-aktiviti seperti ini untuk dipergiatkan," ujarnya pada Majlis Perasmian Gazebo dan Trek Mendaki Bukit Jambul di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Antara kemudahan yang dinaiktaraf adalah melibatkan pemasangan pagar keselamatan di sepanjang denai mendaki, merobohkan struktur sedia ada, memasang papan tanda, mendirikan gerbang pintu masuk dan kemudahan tandas.

Turut dibina, dua gazebo untuk para pendaki berehat sambil menyaksikan pemandangan Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

# Bengkel Atlet Elit persediaan hadapi SUKMA Ke-15

Oleh : **AHMAD ADIL MUHAMAD**


SEBAHAGIAN atlet negeri yang terpilih mengambil bahagian.

**KEPALA BATAS** – Seramai 60 atlet negeri yang memenangi pingat pada kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-14 hadir pada penganjuran Bengkel Atlet Elit Sukan Malaysia 2015 sebagai persediaan menghadapi saingan di SUKMA Ke-15 yang belum ditetapkan tarikhnya.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng semasa memberikan ucapan perasmiannya berkata, atlet yang terpilih dianggap bertuah kerana segala usaha dan tenaga yang telah dikorbankan sejak menjadi atlet pelapis akhirnya membuahkan hasil sehingga terpilih menyertai skim istimewa berkaitan.

Hadir sama pada majlis anjuran Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) tersebut adalah Pengarah MSNPP, Frederick Tan.

Tambah Chong Eng, intipati program tiga hari itu turut menyelitkan perkongsian pengalaman dan tip daripada atlet serta bekas atlet ternama negara.

"Saya pasti, ramai di antara atlet yang terpilih di sini inginkan kejayaan setaraf idola sukan masing-masing.

"Saya harap perkongsian pengalaman daripada Shazlin Zulkifli dalam acara boling dan Wong Choon Hann (badminton) akan dapat membantu anda menjadi cemerlang dan unggul seperti jaguh-jaguh ini," ujar beliau.

Selain itu, Chong Eng memberitahu, para peserta turut didedahkan dengan bengkel nutrisi, bengkel psikologi dan taklimat mengenai ujian *dopping* bersempena penganjuran tersebut.


CHONG Eng (dua dari kanan) ditemani Frederick Tan (kanan sekali) beramah-mesra dengan para peserta Bengkel Atlet Elit Sukan Malaysia 2015 pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.

## Jelajah MSNPP tarik minat anak muda ceburi sukan

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**


AKSI atlet-atlet silat yang dipersembahkan pada Majlis Perasmian Jelajah MSNPP 2015 Siri Pertama di sini baru-baru ini.

**BAYAN BARU** – Dalam usaha untuk menarik lebih ramai golongan muda terutamanya kanak-kanak agar berkecimpung dalam bidang sukan, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) buat julung kalinya menganjurkan Siri Jelajah MSNPP 2015 di sini baru-baru ini.

Jelajah siri pertama berkenaan bukan sahaja bertujuan mendedahkan orang ramai dengan sukan massa sebaliknya sukan berprestasi tinggi.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng dalam ucapannya berkata, inisiatif tersebut mampu membuka minda ibu bapa agar mengalakkan anak masing-masing berkecimpung di dalam bidang sukan.

"Usaha ini adalah sejajar dengan paradigma Pulau Pinang untuk memperkasakan para belia melalui sukan.

"Kesedaran orang ramai tentang beberapa sukan massa dan sukan berprestasi tinggi ini akan menggalakkan peningkatan dari aspek penglibatan.

"Secara tak langsungnya, ia turut akan mewujudkan lebih banyak kemudahan sukan pada masa akan datang," ucapnya pada Majlis Perasmian Jelajah MSNPP 2015 Siri Pertama di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi II MSNPP, Datuk Ong Poh Eng, Pengarah MSNPP, Federick Tan dan Pengurus Komunikasi Pemasaran Pusat Membeli-belah Queensbay, Christopher Koh.

Sepanjang tempoh dua hari jelajah tersebut berlangsung, orang ramai didedahkan dengan pelbagai persembahan para atlet membabitkan sukan wushu, taekwondo, gimrama, silambam, karate, silat dan renang berirama.

Menurut Chong Eng, jelajah berkenaan juga mampu memberikan pendedahan berbeza khasnya buat atlet yang seringkali hanya dapat beraksi di arena pertandingan.

"Melalui demonstrasi di hadapan khalayak ramai ini, saya pasti pengalaman atlet dapat ditingkatkan dari segi membentuk kekuatan mental dan keyakinan diri apabila berdepan dengan situasi yang berbeza," ujar beliau.


PERSEMBAHAN dua atlet gimrama berjaya memukau para hadirin.

## MBHNPP terima RM4,000 sempena Thaipusam

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **G. REVATIC**


CHONG Eng (kiri sekali) menyerahkan risalah-risalah rasmi Kerajaan Negeri kepada wakil MBHNPP selepas selesai majlis penyerahan cek sumbangan daripada Kerajaan Negeri untuk kerja-kerja menyedia serta mengagihkan makanan sempena berlangsungnya Thaipusam di sini.

**GEORGE TOWN** – Sebanyak RM4,000 disumbangkan kepada Majlis Belia Hindu Negeri Pulau Pinang (MBHNPP) untuk kerja-kerja menyedia serta mengagihkan makanan di khemah-khemah badan berkenaan di sepanjang Jalan Kebun Bungah sempena berlangsungnya perayaan Thaipusam di sini baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng berkata, sumbangan Kerajaan Negeri itu adalah untuk menyediakan nasi jenis *'vegetarian'* (sayur-sayuran) kepada 2,000 pengunjung pada sambutan Thaipusam.

Beliau memberitahu, Kerajaan Negeri senantiasa mengamalkan keterbukaan dengan semua kaum atas semangat memajukan potensi belia di negeri ini.

"Kerajaan Negeri melalui bidang tugasan saya (belia) mempelawa MBHNPP untuk turut serta dalam apa-apa program seperti sukan, riadah dan sebagainya dalam mengeratkan hubungan serta pembangunan komuniti.

"Selain itu, Kerajaan Negeri sememangnya tidak pernah bertindak mengabaikan mana-mana pembangunan kaum khususnya belia, kerana kita (Kerajaan Negeri) sedar belia merupakan aset pada masa hadapan negeri," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Menurut Chong Eng, pihaknya ada berbincang dengan MBHNPP mengenai isu-isu berbangkit membabitkan komuniti Hindu serta kerjasama berwajib antara badan tersebut dengan Kerajaan Negeri.

Sebelum itu, Presiden MBHNPP, N. Mahendran pada sidang media sama melahirkan harapan agar Kerajaan Negeri lebih memberi perhatian pada perkembangan belia India di negeri ini, yang didakwa berdepan dengan pelbagai masalah sosial.

Pada majlis tersebut, Chong Eng turut menyerahkan risalah-risalah berwajib mengenai inisiatif Kerajaan Negeri kepada komuniti India di negeri ini.

# Semua hasil Allah yang bagi - Ismail

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

**SEBAGAI** seorang yang turut meminati bidang pertanian, penulis amat mengagumi prinsip dan komitmen yang ditunjukkan (Pakcik) Ismail Abbas yang ditemui pada sesi wawancara Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara di Kampung Titi Teras, Pulau Betong, Balik Pulau baru-baru ini.

Pada usia 70 tahun, Ismail tidak pernah mengenal erti kata penat. Selain bercucuk tanam, beliau turut mengusahakan penternakan haiwan berkaki dua seperti ayam piru, itik, angsa dan lain-lain, Terbaru, beliau menceburi bidang penternakan ikan keli.

*'Enjoy'*, jawabnya ringkas kepada penulis.

Sebagai pembuka tirai, Skuad Jalan-jalan dibawa meninjau 3,000 anak ikan keli yang dibela di lima buah kolam kanvas.

Menurut Ismail, warna ikan keli yang dibela di dalam kanvas adalah tidak hitam dan rasanya adalah lebih manis dan lembut.

"Saya dah *try* makan, sebab itu saya nampak potensinya ada. Bela di dalam kanvas, airnya boleh ditukar. Di sini, air dibuka dan ditukar setiap hari. Kalau di dalam kolam, air tak boleh tukar dan warna ikan keli jadi hitam," jelasnya yang tidak menafikan bahawa cabaran dihadapi dalam bidang tersebut adalah serangan burung helang, hujan berlebihan dan kadang-kadang ancaman manusia yang mana sengaja meletakkan racun di dalam kolam peliharaan.

Dari kolam ikan keli, kami dibawa melalui denai-denai kecil berselut ke ladang ternakan. Amat nyaman suasananya.

Sebelum tiba di destinasi, penulis sempat bertanyakan kepada Ismail berhubung minatnya dalam bidang pertanian.

"Ini semua harta dunia. Kita hidup kerana alam, kita pijak juga di atasnya. Semua hasil Allah yang bagi,'' begitu mendalam sekali jawapan Ismail yang dikurniakan lima cahaya mata dan enam cucu kini.

Tidak sampai 10 minit, kedengaran kokokan ayam piru juga dikenali sebagai ayam belanda, 'teriakan' itik dan juga angsa serta bermacam-macam lagi.

Kedatangan tidak diduga kami disambut pekerja tetap ladang ternakan, Raziz Mohd. Nor yang sebelum ini merupakan penjawat awam.

"Saya berhenti sebab minat dengan kerja pertanian. Nak tumpu di sini.

"Saya ada pengalaman menanam sayur tapi cuma serai sahaja. Sebelum ini, saya buat di Penaga (Seberang Perai Utara), selepas itu, rakan sekolah menengah saya yang juga pemilik ladang ternakan ini kini, Cikgu Farizal (Farizal Hamidon) mula buat di sini, saya mengambil keputusan untuk tolong," ujar Raziz yang agak pemalu orangnya.

Beliau memberitahu, rutin di ladang ternakan adalah bermula seawal 8 pagi dan berlarutan hingga 6.30 petang setiap hari.





KEPELBAGAIAN sayur-sayuran yang diusahakan.





ISMAIL Abbas.

"Tak boleh tinggal. Kena datang setiap hari sebab selain memberi makan kepada ternakan, juga ada orang datang setiap hari untuk membeli produk-produk ternakan dan juga pertanian di sini," katanya yang berasal dari Sungai Nibong, Bayan Baru.

Tambah Ismail, 'kejayaan' ladang ternakan berkenaan adalah banyak hasil usaha serta komitmen Raziz yang turut dibantu lapan pekerja asing dari Bangladesh dan Indonesia memiliki permit sah.

Disebabkan tempoh masa yang singkat, Ismail kemudian membawa kami ke ladang sayurnya.

Dengan keluasan keseluruhan enam ekar, pelbagai tanaman sayur-sayuran diusahakan. Antaranya, sawi, bayam, bendi, kangkung, selasih dan pelbagai lagi.

Pernah dikecewakan dengan pasaran tidak menentu tanaman koko dan kopi membabitkan tanah seluas empat ekar, ia bagaimanapuun tidak mematahkan semangat Ismail untuk terus bergiat dalam bidang tersebut.

"Saya usahakan tanaman koko dan kopi di tanah seluas empat ekar. Namun, disebabkan tiada pasaran, semua dibiarkan macam tu saje.

"Saya tidak kecewa. Usaha lagi dan buat lain. Atas minat, semua boleh jadi.

"Pertanian memang banyak cabaran dan tidak boleh kaya. Selain bencana, ada lagi faktor-faktor yang tidak dapat dielakkan," ujar beliau yang bersara daripada perkhidmatan tentera pada tahun 1985.

Menyentuh mengenai prinsip hidup Ismail, beliau memberitahu bahawa sekiranya ingin berjaya, kena rajin berusaha, tabah hadapi cabaran yang mendatang.

Mengakhiri sesi perbualan pada hari tersebut, Ismail menyatakan bahawa 'rumput atas dunia, Allah yang bagi. Lembu tidak makan, ulat makan. Bila kita sudah kaya, hanya yang cantik dipilih dan menidakkan yang tidak cantik.

Begitu mendalam maknanya kepada penulis!

**INFO :**
**012 - 557 5001**



DUA pekerja sedang memasang jaring bagi menutup sayur sawi yang baru ditanam.



RAZIZ Mohd. Nor memotong rumput napier yang ditanam khas sebagai salah satu bahan makanan haiwan-haiwan ternakan.

# Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, rakyat paling untung, jelas YB

**ENAKMEN** Pilihan Raya Kerajaan Tempatan bagi mengadakan pilihan raya ahli majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang diluluskan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang pada 2012 mendapat reaksi mencemaskan banyak pihak.

Pemimpin tertentu Pembangkang Pulau Pinang seakan menyemarakkan semula dakyah kononnya langkah mengadakan semula pilihan raya peringkat Kerajaan Tempatan hanya akan mencetuskan peristiwa perbalahan kaum 13 Mei 1969.

Walhal, pilihan raya Kerajaan Tempatan kali terakhir diadakan adalah pada tahun 1964, iaitu kira-kira lima tahun sebelum tercetusnya 'tradegi hitam' 13 Mei.

Malah, dikatakan, iltizam demokratik untuk mengadakan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan di negeri ini dikatakan bukanlah konsesus bersama ketiga-tiga parti yang menunjangi penubuhan Kerajaan Negeri sejak Mac 2008 hingga kini.

Wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** cuba mendapatkan respons lanjut mengenai isu berbangkit tersebut daripada Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow serta Wong Hon Wai, iaitu Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri sendiri.

Kon Yeow berkata, idea mengadakan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan digerakkan secara langsung oleh beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) selepas berlaku peralihan kuasa Kerajaan Negeri, pada bulan Mac 2008.

"Inisiatif ini susulan desakan NGO sendiri selepas Kerajaan Negeri yang baru ditubuhkan, tetapi, di Pulau Pinang nampaknya mereka senyap-senyap sahaja apabila kita dikecam kerana ingin memulihkan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan.

"Kita bersetuju kerana rakyat paling untung jika pilihan raya Kerajaan Tempatan diadakan semula di seluruh negara, bukan sahaja di Pulau Pinang kerana rakyat adalah pembayar cukai.

"Kita memang mengotakan janji pilihan raya (Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-12) dengan membawa draf pilihan raya Kerajaan Tempatan ke DUN (Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang) hingga menjadi Enekmen," ujar Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota baru-baru ini.

Kon Yeow bagaimana pun berkata, Kerajaan Negeri hari ini masih mempunyai inisiatif secara politik, walaupun Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Province Wellesley) 2012 telahpun dideklarasikan sebagai *"ultra-vires"* di peringkat Mahkamah Persekutuan, susulan ditolak oleh Kerajaan Pusat pada beberapa tahun lepas.

"Jalan rundingan dengan Kerajaan Pusat telahpun dilakukan dan jalan perundangan dilakukan sejauh itu pun masih belum berjaya.

"Tetapi, kita yakin bahawa jalan politik di peringkat persekutuan melalui proses pilihan raya umum nanti masih ada untuk rakyat membuat pilihan," jelas Kon Yeow lagi.

Di pejabatnya, Kon Yeow menunjukkan beberapa data mengenai demografi penduduk Melayu dan bukan Melayu bagi 49 pihak berkuasa tempatan (PBT) di tanah air ini.

Kesemua PBT itu adalah tiga bertaraf majlis bandar raya bagi Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching Utara, sembilan majlis perbandaran dan 37 majlis daerah.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah kemajmukan kaum, dengan populasi Melayu berjumlah 49 peratus melebihi Cina (42.3 peratus), serta selebihnya India (10.3 peratus) dan lain-lain (0.9 peratus).

Katanya, hanya empat PBT dengan populasi didominasi Cina.

Pertama, kawasan Johor Bharu Tengah yang populasinya terdiri oleh 38.8 peratus Melayu, Cina (47.2 peratus), India (13.4 peratus) dan lain-lain (0.6 peratus).

Kedua, kawasan Ipoh yang terdiri oleh 39.8 peratus Melayu, Cina (45.5 peratus), India (14.5 peratus) dan lain-lain (0.2 peratus).

Ketiga, kawasan Subang Jaya yang terdiri oleh Melayu (42.3 peratus), Cina (44.7 peratus), India (12.4 peratus) dan lain-lain (0.6 peratus).

Keempat, kawasan Teluk Intan yang terdiri oleh 38.8 peratus Melayu, Cina (39 peratus), India (22 peratus) dan lain-lain (0.2 peratus).

39 PBT lain yang mempunyai populasi Melayu adalah mojoriti, termasuk dua dewan bandar raya bagi



CHOW Kon Yeow.



WONG Hon Wai.

Kota Kinabalu (70.4 peratus) dan Kuching Utara (84.8 peratus); enam daripada sembilan majlis perbandaran bagi Johor Baru (54.1 peratus), Alor Setar (76.9 peratus), Melaka (60.6 peratus), Shah Alam (71.1 peratus), Kuala Terengganu (96.2 peratus); serta 31 daripada 37 majlis daerah termasuk Batu Pahat (53.4 peratus), Pasir Gudang (91.4 peratus), Muar (54 peratus), Sungai Petani (66.2 peratus), Kulim (63.6 peratus), Seremban (50.9 peratus), Kuantan (78.5 peratus), Temerloh (75.7 peratus), Taiping (53.4 peratus), Kangar (88.4 peratus), Klang (50.7 peratus), Dungun (97.3 peratus) dan Kemaman (95.2 peratus).

"Cakap-cakap pilihan raya Kerajaan Tempatan akan mengakibatkan semua PBT dikuasai Cina itu hanya tanggapan yang salah, mungkin berdasarkan pengetahuan pada era 1940-an atau 1950-an, di mana hanya Cina digambarkan mendiami pekan-pekan, manakala Melayu dan India masing-masing masih tinggal di kampung-kampung dan ladang-ladang.

"Berdasarkan demografi dan populasi penduduk yang mampu dicapai sekarang sebenarnya menunjukkan bahawa antara tiga PBT di negara ini dengan mojoriti Cina, iaitu Sibu (63.4 peratus), Kuching Selatan (62.5 peratus) dan (Majlis Perbandaran) Pulau Pinang (62.5 peratus)," jelas Kon Yeow sambil memberitahu bahawa semua populasi tersebut berdasarkan bancian 2010.

Dalam pada itu, bagi Hon Wai pula, Malaysia pada era 1950-an dan 1960-an sebenarnya telahpun diiktiraf berada di landasan perkembangan politik dunia, apabila proses pilihan raya peringkat Kerajaan Tempatan telahpun diadakan di tanah air ini semasa itu.

"Menafikan hak tiap-tiap rakyat Malaysia untuk kembali menggunakan kuasa undi ketiga sekarang ini seperti sebelum era 1960-an dulu adalah langkah terkebelakang dalam proses demokrasi global," jelas Hon Wai yang juga ADUN Air Itam.

Bagi Hon Wai, penafian kuasa ketiga melalui pilihan raya Kerajaan Tempatan di seluruh negara sebenarnya lebih menguntungkan parti-parti yang mendominasi Kerajaan Pusat sahaja, berbanding rakyat.

Beliau memberitahu, rakyat yang membayar cukai peringkat PBT akan lebih untung kerana kuasa undi ketiga mereka akan membentuk Kerajaan Tempatan, bukan lagi Kerajaan Pusat yang selama ini mengamalkan pemusatan kuasa secara berlebih-lebihan melalui konsep federalisme.

"Dulu, MPPP ada bas sendiri, tetapi permohonan lesen pengangkutan awam untuk mewujudkan bas percuma di seluruh Pulau Pinang kini tidak diluluskan oleh Kerajaan Pusat, dan inilah yang dimaksudkan dengan pemusatan kuasa secara berlebih-lebihan di peringkat Pusat.

"Sepatutnya PBT diberikan kuasa yang lebih untuk meluluskan lesen teksi, lesen bas dan hal perbandaran dengan dipantau oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, barulah unsur-unsur tempatan yang dihasratkan oleh rakyat sebagai pembayar cukai boleh direalisasikan secara berperingkat.

"Permohonan lesen persendirian adalah kehendak utama majoriti pemandu teksi serta Persatuan Gabungan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Negeri Pulau Pinang sendiri, tetapi pusatan kuasa daripada Kerajaan Pusat lebih selesa mengeluarkan lesen (berkelompok) melalui syarikat-syarikat teksi tertentu.

"Pemandu teksi di Pulau Pinang lebih untung kerana diberi sumbangan masing-masing RM300 sebanyak dua kali tiap-tiap tahun sekarang kerana kehendak mereka lebih didengar oleh Kerajaan Negeri hari ini.

"Apa yang saya nak sebutkan di sini adalah ideanya bukan hanya mengembalikan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan sahaja, tetapi merealisasikan proses disentralisasi kuasa kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan di seluruh negara," respons Hon Wai.

Menurut beliau, proses desentralisasi akan mengukuhkan maksud sebenar konsep federalisme, iaitu Kerajaan Pusat mengagihkan kuasa serta kewangan secara lebih adil kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan demi membolehkan mereka menguruskan tanggungjawab masing-masing secara lebih saksama, cepat serta realistik sebagaimanan dikehendaki rakyat setempat.

"Percayalah bahawa amalan desentralisasi yang cuba dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri hari ini dengan mengembalikan kuasa ketiga melalui pelaksanaan pilihan raya Kerajaan Tempatan akhirnya akan menguntungkan rakyat terbanyak, iaitu sebagai pembayar cukai," jelas beliau senada dengan Kon Yeow.

# Tunda kereta, MPPP wujudkan tapak kedua di Tanjung Tokong

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**TANJONG TOKONG –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) baru-baru ini mengumumkan pembukaan depoh simpanan (tapak tunda) baharu di Jalan Tanjung Tokong bagi menempatkan kenderaan ditunda oleh Unit Trafik (Penguatkuasa) pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit di sini.

Tapak tunda terletak bersebelahan Balai Bomba dan Penyelamat Bagan Jermal itu mula beroperasi sejak Disember 2014 dari jam 10.30 pagi sehingga 5 petang.

Ahli Majlis MPPP yang juga Anggota Jawatankuasa Tetap Penguatkuasaan dan Pendidikan Awam, Dr. Tan Kim Hooi ketika ditemui berkata, pembukaan tapak tunda baharu itu adalah inisiatif MPPP bagi memberi kemudahan kepada pesalah trafik terutamanya di kawasan Batu Feringghi, Tanjung Bungah, Tanjung Tokong dan Pulau Tikus (utara bahagian pulau Pulau Pinang) untuk menuntut semula kenderaan masing-masing yang ditunda.

"Sebelum ini, kereta ditunda meliputi kawasan utara (bahagian pulau Pulau Pinang) semuanya dibawa ke depoh simpanan di Jalan Timah. Tetapi kini, bagi memudahkan pesalah trafik menuntut semula kenderaan masing-masing meliputi kawasan bekaitan, mereka (pesalah trafik) hanya perlu hadir ke sini (depoh simpanan Jalan Tanjung Tokong).

"Sebagai permulaan, semua kenderaan yang ditunda ke tapak ini akan disimpan sehingga jam 5 petang, sekiranya tidak dituntut sehingga waktu tersebut, kenderaan akan ditunda ke depoh simpanan di Jalan Timah kerana tapak ini tidak selamat untuk menyimpan kenderaan pesalah trafik pada tempoh jangka masa selepas itu," jelas beliau pada majlis sidang akhbar khas di depoh simpanan (tapak tunda) baharu di Jalan Tanjung Tokong di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Kim Hooi memberitahu, MPPP kini dalam rangka menaiktaraf tapak berkeluasan 0.4 hektar itu dengan anggaran kos antara RM30,000 ke RM50,000 bagi membolehkan kenderaan yang ditunda disimpan di sini.

Jelas beliau, MPPP kini terpaksa mengambil tindakan tegas berikutan sikap degil pengguna yang tanpa rasa bersalah meletakkan kenderaan di bahu-bahu jalan sehingga mengganggu kelancaran lalulintas.

"Sebanyak lima kren tunda digerakkan setiap hari seawal 6 pagi hingga lewat malam.

"Antara lokasi yang menjadi tumpuan adalah di Persiaran Gurney, Jalan Burmah, Jalan Kelawei dan Jalan Tanjung Tokong serta beberapa lokasi lain sekitar bandar George Town," ujarnya.

Tambah Kim Hooi, serentak itu, MPPP juga telah memperkenalkan pelekat khas bertujuan memaklumkan kepada pesalah trafik bahawa kenderaan mereka ditunda oleh pihak berkaitan.

"Sebelum ini, kita (MPPP) hanya menggunakan kapur dan dengan adanya pelekat khas ini, kita (MPPP) akan melekatkannya di atas jalan yang berkenaan bagi memaklumkan maklumat-maklumat berkaitan kepada pesalah trafik termasuk pihak yang perlu dihubungi bagi mendapatkan balik kenderaan masing-masing," jelas beliau.



ANGGOTA-anggota Unit Trafik (Penguatkuasa) MPPP sedang menjalankan demonstrasi sesebuah kereta ditunda.

Dalam pada itu, Pengarah Penguatkuasaan MPPP, Shalehudin Hashim yang turut hadir pada sesi lawatan itu menganggarkan sejumlah enam kereta ditunda setiap hari di kawasan kawasan utara bahagian pulau Pulau Pinang dan secara keseluruhan, sebanyak 17 kereta ditunda ke depoh simpanan di Jalan Timah sehari.

"Dalam tempoh sebulan, kira-kira 700 kereta ditunda ke Jalan Timah dan jumlah ini akan bertambah apabila tiba musim-musim perayaan mahupun cuti sekolah.

"Kompaun sebanyak RM50 dikenakan bagi kesalahan yang didapati meletakkan kenderaan sehingga menjejaskan kelancaran trafik. Bayaran menunda adalah RM150 yang dikenakan kepada pemilik kereta ditunda.

"Bagi kenderaan berat, RM300 dikenakan dengan tambahan caj RM5 sehari jika kenderaan lewat dituntut," kata Shalehudin.




KERETA ditunda dibawa ke depoh simpanan (tapak tunda) baharu di Jalan Tanjung Tokong di sini.

## MPSP permudah syarat pembesaran premis

Oleh :**WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SEBERANG JAYA –** Pembesaran kilang di bawah 1,000 kaki persegi serta binaan tambahan bagi premis jenis kedai dan rumah di bawah 500 kaki persegi sahaja tidak perlu lagi memohon pelan kebenaran merancang daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif bagaimanapun berkata, langkah itu demi memudahkan pelanggan khususnya warga Seberang Perai.

Bagaimanapun, jelas beliau, projek pembesaran premis mestilah berpandukan syarat-syarat yang telahpun ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

"Tidak perlu memohon kebenaran merancang lagi, cuma mereka hanya mengemukakan pelan bangunan.

"Namun syaratnya, bangunan asal mestilah sebuah premis yang sah dan bukannya tidak sah.

"Jikalau bangunan asal pun tidak sah, bagaimana MPSP hendak meluluskan penambahan baru," ujarnya kepada wartawan selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Bilangan 1/2015 Kali Ke-487) di Kompleks Ibu Pejabat MPSP dekat Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Setiausaha Majlis MPPP, Sr. Rozali Mohamud serta dua Ahli Majlis, Loh Joo Huat dan Zulkifli Ibrahim turut menyertai sidang media tersebut.

Tambah Maimunah, projek penambahan dan pembesaran premis mestilah merangkumi pembinaan berbumbung dan terbuka.

"Walau bagaimanapun, penambahan tingkat kepada sesuatu premis dan bangunan masih tidak dibenarkan dan permohonan hanya boleh diluluskan sekali sahaja bagi setiap premis.

"Jika tidak, pemilik mungkin akan melakukan pembesaran dan penambahan berkali-kali selepas itu," ujar beliau.

Dalam perkembangan berkaitan, MPSP pada bulan Mac 2013 pernah memperkenalkan buku Garis Panduan Tambahan dan Pindaan Kecil Taman Perumahan yang boleh dibeli dengan harga RM150 sebuah, demi memudahkan proses permohonan mengubahsuai premis jenis rumah sahaja.

Buku panduan itu, antara lain, menyediakan syarat binaan tambahan, kaedah memohon dan menuntut cagaran berwajib RM750 serta format mengisi borang-borang permohonan berkaitan.



MAIMUNAH Mohd. Sharif.

# Solok Perak tutup hingga 27 Mac, patuhi arahan, guna jalan alternatif

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Orang ramai yang menggunakan laluan Solok Perak, Jalan Kurau dan Jalan Tunku di sini dinasihati supaya mematuhi arahan papan tanda sementara serta pegawai lalulintas bagi memastikan kelancaran lalulintas di kawasan terbabit.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, laluan sepanjang Solok Perak ditutup untuk kenderaan berat selama 10 minggu mulai 30 Januari hingga 27 Mac 2015 bagi membolehkan kerja-kerja membaiki sistem saliran lencongan Sungai Jelutong dijalankan.

"Susulan itu, pengguna sepanjang laluan Solok Perak, Jalan Kurau dan Jalan Tunku termasuk Jalan Jelutong dinasihati supaya mematuhi arahan lalulintas di kawasan berkenaan atau menggunakan laluan alternatif untuk ke George Town bagi mengelakkan sebarang kesulitan," katanya ketika mengadakan lawatan ke tapak projek kerja-kerja membaiki sistem saliran lencongan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan Jurutera Daerah di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Timur Laut, Haslinda Mohd. Hamran.

Menurut Kon Yeow, kerja-kerja membaiki sistem saliran lencongan yang menelan kos berjumlah RM492,000 tersebut perlu dilaksanakan segera memandangkan sistem sedia ada telah uzur dan tidak utuh.

"Sistem saliran lencongan di sini dibina pada 1974 bagi mengatasi masalah banjir dan menyediakan laluan air dari Sungai Pinang terus ke laut.

"Hasil dari pemantauan yang dijalankan sejak tahun 2008, didapati beberapa struktur sistem ini telah runtuh dan ia membahayakan keselamatan pengguna jalan raya terutamanya kenderaan berat melebihi lima tan yang melalui laluan ini.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan khas bagi membolehkan kerja-kerja kecemasan membaiki struktur sistem saliran lengcongan di sini dibaiki segera," jelas beliau.

Selain kerja-kerja membaiki sistem saliran lencongan, Kon Yeow memberitahu, demi keselamatan pengguna jalan raya, Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) juga akan memasang palang khas mengehadkan kenderaan tertentu dari menggunakan laluan di Solok Perak ini.

"Pemasangan palang khas ini hanya membolehkan kenderaan tidak melebihi 2.6 meter tinggi dan tidak melebihi berat lima tan melalui jalan ini.

"Bagi kenderaan yang melebihi lima tan, mereka boleh melalui laluan alternatif disediakan seperti Jalan Lenggong untuk menuju ke George Town," katanya.

Dalam pada itu, Jurutera Lalulintas dan Pengangkutan Awam MPPP, Zainuddin Mohamed Shariff berkata, notis telah dikeluarkan untuk memaklumkan mengenai lencongan laluan sepanjang Jalan Perak sehingga ke Jalan Jelutong.

"Lencongan ini juga melibatkan pengangkutan awam, bas pekerja kilang dan lori-lori yang melebihi berat lima tan. Para pengguna jalan raya diharap dapat mematuhi arahan papan tanda sementara bagi mengelakkan sebarang kesulitan," seru beliau.




**CHOW Kon Yeow (depan, tengah) dan Lim Siew Khim (depan, kanan sekali) mendengar taklimat ringkas daripada Haslinda Mohd. Hamran (depan, kiri sekali) di tapak projek Solok Perak di sini baru-baru ini.**

## Anjur *Car Free Morning* dapatkan respons awam

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**




**MAIMUNAH Mohd. Sharif (kanan) ketika mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis Yang Ke -1/2015 (487) di Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA** – Kerajaan Negeri terus gigih melaksanakan polisi hijau di Pulau Pinang, dan terbaru Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal menganjurkan program *Car Free Morning* (Sepagi Tanpa Kereta) di Jalan Todak 2 serta Jalan Todak 3 berhadapan pusat membeli belah Sunway Carnival di sini mulai April ini.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, program tersebut adalah projek perintis untuk mendapat respons orang ramai.

"Ianya akan dimulakan seawal 6 pagi, hari Ahad.

"Untuk permulaan, kita (MPSP) akan adakan *Car Free Morning* ini hanya satu bulan sekali pada minggu pertama bulan berkenaan," jelasnya kepada wartawan sejurus selesai mempengerusikan Mesyuarat Penuh Majlis Yang Ke -1/2015 (487) di Kompleks Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Menurut Maimunah, MPSP boleh mendapatkan maklum balas awam sebanyak mungkin sepanjang tempoh tiga bulan pelaksanaan polisi hijau tersebut.

"Orang ramai turut dipelawa untuk bersama-sama beriadah di sini bersama keluarga secara berbasikal, berjalan kaki atau apa-apa aktiviti riadah tanpa motor bagi menjayakan program ini di samping menjaga kesihatan.

"Jika didapati sambutan adalah menggalakkan, mungkin kita (MPSP) akan tambah dari segi kekerapan minggu penganjuran," ujar beliau.

**D'Home** Mental Health Association is an NGO established in Penang in 2004. In conjunction with its 10th anniversary, D'Home is organizing the above charity event which has been endorsed by the Penang State Government (MMK Youth & Sports, Women, Family & Community Development) with the support of MSNPP, PAAA & MPPP.




**The main objectives of this event are:**

- To bring hope and meaning in life to the mentally disabled and their care-givers.
- To create mental health awareness in the community.
- To promote healthier lifestyle that includes good physical and mental health through active participation in sports & wholesome activities.
- To reduce societal discrimination and stigma towards people with psychiatric disabilities.
- To encourage all Penangites to unite for a worthy cause for the benefit of the community.
- To raise funds for D'Home' Mental Health Association.

**Event Highlights:**

- Fun Walk (3km)
- Zumba
- Tai-Chi
- Food Fair (110 food stalls including Halal food)
- Lucky Draw
- Health Screening & Blood Donation
- Children's Colouring Contests
- Clowns & Sculptured Balloons
- Laughter & Music Therapy
- Stage Performances

For more information, please contact:
**Ms. Kavita (04-643 4432)**
**Ms. Sally Yeoh (012-4856087)**
Email: **dhomepg@gmail.com**

# PPK gotong-royong perangi aedes!




PIHAK PBT turut membantu menjayakan Program Gotong-Royong Perdana di Kampung Seronok, Bayan Lepas.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **PPK**

**PINANG TUNGGAL –** Kerajaan Negeri melancarkan kempen Penang Sihat melalui Program Gotong-royong Perdana melibatkan 40 lokaliti terpilih di seluruh negeri berikutan kebimbangan peningkatan kes demam denggi termasuk dua kematian dicatatkan awal tahun ini di sini.

Program Gotong-royong Perdana yang dilancarkan pada 2014 diteruskan membabitkan kelima-lima daerah di negeri ini dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Di **Pinang Tunggal, Taman Selesa, Kampung Selamat** dipilih sebagai salah satu daripada 40 lokaliti dalam program gotong-royong kali ini.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhammad, beliau amat menyokong inisiatif dijalankan Kerajaan Negeri.

"Sungguhpun hanya lokasi 'panas' dipilih untuk gotong-royong kali ini, pihak kami tetap melaksanakannya secara bulanan di semua kawasan bagi mencegah pembiakan nyamuk aedes sekaligus mengekang penularan wabak denggi di Pinang Tunggal," katanya yang turut serta dalam aktiviti membersihkan kawasan di sini baru-baru ini.

PPK Sungai Dua, Zahadi Mohammad dan PPK Teluk Air Tawar, Norhayati Jaafar turut tidak ketinggalan membantu dalam Program Gotong-Royong Perdana di Kampung Selamat tersebut.

Dalam pada itu, di **Kampung Seronok, Bayan Lepas,** PPK Bayan Lepas, Jamaludin Said turut turun padang membantu dan berjumpa dengan penduduk setempat.

Katanya, selain program gotong-royong yang diadakan ini, pihaknya dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) turut menganjurkan kempen Jom Ganyang Aedes mengikut kawasan kampung.

Bagi PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan PPK Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid, mereka senada menyatakan bahawa program yang diadakan ini secara tidak langsung dapat membendung penularan demam denggi selain mewujudkan komuniti setempat yang mengutamakan kebersihan dan kesejahteraan setempat.

"Macam di Pulau Betong sendiri, kami akan menggerakkan pasukan Combi untuk menjalankan aktiviti pencegahan denggi sama ada melalui gotong-royong, mahupun aktiviti penerangan dan pendidikan," jelas Mohd. Tuah.

Menurut kenyataan Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bertarikh 28 Januari baru-baru ini melaporkan bahawa sehingga 24 Januari lalu, sebanyak 398 kes denggi dilaporkan berbanding 151 kes bagi tempoh yang sama tahun lalu (2014) dengan peningkatan 247 kes (163.58%).



ZAHADI Mohammad membersihkan longkang di Taman Selesa, Pinang Tunggal baru-baru ini.



(Dari kiri), NORHAYATI Jaafar, Muhasdey Muhammad dan Zahadi Mohammad berganding bahu membersihkan kawasan perumahan di Taman Desa, Pinang Tunggal .



PENDUDUK Taman Selesa yang terlibat dalam gotong-royong menjamu selera setelah selesai program.



PAMERAN agensi kerajaan turut diadakan sepanjang penganjuran Program Gotong-Royong Perdana di Kampung Seronok Bayan Lepas.

# Semua perlu kesedaran jaga persekitaran - ADUN

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MARK JAMES**

**PADANG KOTA –** Saban tahun, ribuan ringgit terpaksa dibelanjakan bagi membersihkan longkang dan parit yang tersumbat akibat tabiat masyarakat yang tidak ambil peduli kesannya.

Pelbagai jenis sampah dibuang sewenang-wenangnya ke dalam longkang termasuk bahan buangan tidak terurai seperti serpihan kaca, bahan binaan dan plastik.

Oleh demikian, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, Chow Kon Yeow bersama ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Lebuh Chulia, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan pertubuhan bukan kerajaan, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kaum India Malaysia (MICCI) Pulau Pinang mengambil inisiatif membersihkan longkang di Little India di sini baru-baru ini.

"Selalunya puntung rokok, pembalut tisu, tisu dan penutup botol sering dijumpai dalam longkang. Lebih teruk lagi apabila ada pekerja am menjumpai beg yang dipenuhi sampah domestik dalam longkang.

"Masyarakat perlu mengubah sikap mereka, jika tidak, walaupun pekerja-pekerja am kita (MPPP) membersihkan longkang setiap masa, masalah sama (longkang tersumbat) tetap berulang," katanya yang turut serta dalam aktiviti gotong-royong di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Majlis MPPP, Dr. Tan Kim Hooi dan Presiden MICCI, N. Vasantharajan.

Tambah Kon Yeow yang juga merupakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, pihaknya termasuk JKKK setempat akan terus mengadakan gotong-royong bukan sahaja untuk membersihkan kawasan setempat, tetapi juga mengekang penularan gejala demam denggi yang semakin meruncing dewasa ini.

"Menjaga kebersihan persekitaran perlu berterusan dan bukannya bermusim.

"Menjaga kebersihan juga bukan hanya terletak di bahu kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT), tetapi semua pihak perlu mempunyai kesedaran untuk menjaga persekitaran kita," ujar beliau.



CHOW Kon Yeow (depan, empat dari kanan), Dr. Tan Kim Hooi (depan, dua dari kanan) dan N. Vasantharajan (kanan sekali) turut serta dalam aktiviti gotong-royong di Little India di sini baru-baru ini.



PEKERJA-pekerja Am MPPP bertungkus-lumus mengumpul sampah-sarap yang dibuang di dalam longkang.

# Naiktaraf jalan, minima kesesakan - ADUN

Gambar : **SHUM JIAN WEI**

**AIR ITAM –** Kesesakan trafik di persimpangan Jalan Masjid Negeri dan Lorong Batu Lanchang di sini dipercayai pulih apabila Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) siap menaiktaraf sebahagian 700 meter laluan terbabit dengan nilai kos RM3,530,756.15 baru-baru ini.

Wong Hon Wai selaku Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri dalam kenyataannya memberitahu, kerja-kerja menaiktaraf dan melebarkan Lorong Batu Lanchang tersebut telah memberi manfaat kepada pengguna jalan raya khususnya 5,000 pelajar membabitkan lima sekolah di sini.

"Setelah dinaiktaraf, laluan ini kini mempunyai *'lay-by'* atau laluan lintasan pejalan kaki khas bagi memberi kemudahan kepada pelajar untuk naik dan turun dari kenderaan berbanding sebelum ini di mana kawasan ini mengalami aliran tepu trafik.

"Selain itu, MPPP juga telah memasang lampu isyarat di dua lintasan pejalan kaki bagi memudahkan pelajar dari Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Lanchang dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Georgetown melintas jalan," ujarnya ketika mengadakan pemantauan di Lorong Batu Lanchang di sini baru-baru ini.

Turut sama, Jurutera Lalulintas dan Pengangkutan Awam MPPP, Zainuddin Mohamed Shariff.

Terdahulu, pada Oktober 2014, Hon Wai bersama Timbalan Pengarah Kejuruteraan MPPP, Ir. A. Rajendran mengadakan tinjauan trafik di laluan berkenaan.

Apabila projek pelebaran dan menaiktaraf sebahagian laluan di Lorong Batu Lanchang siap pada penghujung November 2014, sekali lagi, Hon Wai hadir meninjau sendiri keadaan lalulintas di sini.

Jelas Hon Wai, kesan dari projek menaiktaraf laluan tersebut, kesesakan trafik di Lebuhraya Thean Teik juga dapat dikurangkan pada kadar 15 peratus berbanding sebelum ini.

"Ini memberi impak positif bukan sahaja kepada pengguna jalan raya dan juga pejalan kaki yang melalui kawasan ini.

"Dahulunya, kesesakan trafik di sini sangat teruk dan kini ia telah diminimakan pada kadar 20 peratus dan aliran tepu trafik juga pulih," jelas beliau yang berpuas hati dengan pelaksanaan projek berkaitan.



WONG Hon Wai (depan, kiri sekali) sempat bertemu dengan beberapa pelajar sekolah yang menggunakan laluan lintasan pejalan kaki persimpangan Jalan Masjid Negeri dan Lorong Batu Lanchang yang siap dinaiktaraf di sini baru-baru ini.



LALUAN Lorong Batu Lanchang yang siap dinaiktaraf November tahun lalu.

# ADUN Seri Delima lancar program bantuan banjir Pantai Timur



R.S.N. Rayer (sembilan dari kanan) dan Ramkarpal Singh (tujuh dari kanan) bergambar dengan penderma dan jawatankuasa penganjur Program Bantuan Bencana Banjir berserta barangan dikumpul di sini baru-baru.

Gambar: **CHAN LILIAN**

**SERI DELIMA –** Prihatin dengan nasib yang menimpa mangsa-mangsa banjir di Pantai Timur, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) Island Glades melancarkan Program Bantuan Bencana Banjir di sini baru-baru ini.

Menurut Rayer, dalam tempoh tiga hari pelancaran, pihaknya berjaya mengumpul lebih dari 1,000 kilogram beras, 44 kotak air mineral dan minuman, 132 kilogram gula dan pelbagai makanan kering lain bagi membantu mangsa-mangsa banjir berkaitan.

"Sangat teruja, dalam tempoh yang singkat sahaja, sambutan amat memberangsangkan.

"Program ini bukan sahaja melibatkan penduduk di Island Glades, malah Parlimen Bukit Gelugor keseluruhannya.

"Terima kasih kepada semua pihak yang sudi menghulurkan sumbangan," ujarnya yang turut bercadang untuk mengadakan rombongan ke Kelantan melibatkan penduduk di Bukit Gelugor.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.

# Pulau Pinang Cakna Kebajikan Rakyat

DAFTARLAH SEKARANG! di pejabat ADUN ANDA!

**RM100 setahun**

- Warga Emas
- Ibu Tunggal
- OKU
- Suri Rumah

**RM100 sebulan**

- Penarik Beca

* Tertakluk pada syarat.

**Sumbangan pukat 2 kali setahun**

- Nelayan

**RM600 setahun :**

- TEKSI — Pemandu Teksi

**"One-Off"**

- RM100 — Pelajar (Tahun 1 dan 4, Tingkatan 1 dan 4)
- RM1,000 — Waris urus jenazah
- RM1,000 — IPTA
- RM200 — Bayi kelahiran Pulau Pinang

## Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat

